

قَتِيقَن تِيتَه

PETIKAN TITAH

"DALAM keadaan ekonomi dunia yang semakin sukar untuk dijangka Pengajian Tinggi masih saja tetap dilihat sebagai salah satu kunci utama dalam menjana ekonomi yang berdaya maju."
- Titah Sempena Majlis Konvokesyen Institut Teknologi Brunei (ITB) Tahun 2013 dan Istiadat Perisytiharan Pro-Canselor, pada 24 Muharam 1435 Hijrah bersamaan 28 November 2013 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN apa sahaja yang kamu belanjakan (untuk kebaikan) maka Allah akan menggantikannya dan Dialah sebaik-baik pemberi rezeki."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Saba', ayat 39).

TAHUN 59 / BILANGAN 153

13 DISEMBER 2014 / 1436 صفر 20

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Republik Korea



KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Ketua-Ketua Kerajaan negara ASEAN dan Republik Korea pada Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Republik Korea di Busan, Republik Korea (atas). Sementara gambar kiri, baginda bersalaman dengan Presiden Republik Korea, Puan Yang Terutama Park Geun-hye sejurus tiba bagi Sesi Pertama Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Republik Korea. - Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 3, 4, 5, 12, 13 dan 24).

Hubungan ASEAN - Korea semakin mantap

Laporan : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah
dari Busan, Republik Korea



BUSAN, REPUBLIK KOREA, Jumaat, 12 Disember. - Tahun 2014 amat bermakna bagi Negara Brunei Darussalam kerana dapat secara serentak menyambut sambutan Ulang Tahun Ke-25 Perkongsian ASEAN-Republik Korea dan 30 Tahun Penubuhan Hubungan Diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea. Sehubungan dengan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melahirkan kegembiraan dengan status hubungan dua hala yang telah lama wujud yang sekarang telah berkembang merangkumi pelbagai bidang termasuk tenaga, perdagangan, ICT dan pertukaran dalam kalangan rakyat. Kerjasama tersebut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia disokong di peringkat serantau melalui ASEAN-Republik Korea dan rangka kerja ASEAN+3. Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian pada Sesi Pertama

Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Republik Korea. Seterusnya Kebawah DYMM yakin dengan perkembangan baik dalam pelaksanaan deklarasi bersama ASEAN-Republik Korea dan berharap pegawai-pegawai akan meningkatkan usaha mereka untuk memastikan pelaksanaan sepenuhnya deklarasi tersebut. Di sesi tersebut, baginda tidak lupa merakamkan penghargaan di atas sokongan berterusan yang diberikan oleh semua Rakan-Rakan Dialog ASEAN termasuk Republik Korea yang telah membantu ASEAN ke arah merealisasikan matlamat Komuniti ASEAN.

Ke muka 24



Muka 6

253 graduan Institut KEMUDA menerima sijil



Muka 7

MENERIMA kunjungan hormat perwakilan asing

Jasa dan pengorbanan warga emas diutamakan

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

SEGALA puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, ahli-ahli keluarga dan para sahabat Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan rahmat-Nya jua dapat kita bersama-sama berkumpul di dalam Majlis Jalinan Kasih Warga Emas Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) pada petang ini.

Terlebih dahulu saya sukacita mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada MWNBD kerana berkesudian menjemput saya hadir bersama di majlis pada petang ini. Tahniah diucapkan kepada MWNBD di atas usaha yang sangat bermakna dan berkebaikan ini.

Penuaan penduduk dunia merupakan satu fenomena yang tidak boleh dielakkan. Walaupun kadar kesuburan masyarakat dunia menurun tetapi jangka hayat manusia telah meningkat disebabkan pelbagai faktor seperti taraf hidup yang semakin meningkat dan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik. Di Negara Brunei Darussalam, definisi warga emas adalah mereka yang berusia 60 tahun ke atas. Mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) Negara Brunei Darussalam anggaran jumlah penduduk yang berumur 60 tahun dan ke atas pada 2013 ialah seramai 25,900 atau 6.4 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk. Jumlah warga emasnya yang menerima Pencen Umur Tua dari Jabatan Pembangunan Masyarakat pada September 2014 ialah seramai 27,166 orang. Manakala dari segi jangka hayat di negara ini bagi tahun 2013 ialah 75.7 tahun bagi lelaki dan 78.4 tahun bagi wanita. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh JPKE Negara Brunei Darussalam, jumlah warga tua yang berumur 60 tahun dan ke atas akan meningkat dari 25,900 orang pada tahun 2013 kepada 64,158 pada tahun 2030 berdasarkan pertumbuhan purata tahunan 1.7 peratus. Dengan ini, dasar dan perancangan bagi menangani isu warga emas adalah amat penting dan perlu dimulakan seawal mungkin, agar Negara Brunei Darussalam tidak akan berhadapan dengan masalah yang kini dihadapi oleh negara-negara lain yang telah mengalami masyarakat penuaan atau *ageing society*.

Jasa dan pengorbanan yang telah disumbangkan oleh warga emas atau warga tua terhadap pembangunan keluarga, masyarakat dan negara memang tidak dapat dinafikan. Di atas sumbangan dan bakti merekalah lahirnya generasi masa kini yang menjadi penerus kepada pembangunan masyarakat, bangsa, ugama dan negara. Oleh itu, bagi Negara Brunei Darussalam, Kerajaan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat mengambil berat terhadap kebijakan dan kesejahteraan golongan warga emas. Ini kerana selain untuk menjadikan warga emas di negara ini sebagai warga sihat yang bergiat aktif serta dapat meneruskan sumbangan kepada pembangunan bangsa dan negara, ia juga bertujuan untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi mereka. Perkara ini juga selaras dengan The Madrid International Plan of Action on Ageing 2002 yang memberi keutamaan ke arah penglibatan warga emas dalam pembangunan masyarakat dan peningkatan perkhidmatan kesihatan kepada golongan warga emas.

Maka menyedari perkara ini, satu Pelan Tindakan Bagi Menangani Isu Warga Emas telah diluluskan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kini sedang diimplimentasikan oleh Jawatankuasa Khas Bagi Menangani Isu Warga Emas dan Orang Berkeperluan Khas di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial. Pelan Tindakan tersebut menggariskan tindakan-tindakan yang akan diambil dalam 9 tajuk utama seperti berikut:-

1. Dasar dan Perundangan
2. Kesihatan
3. Penyertaan dalam Masyarakat
4. Pendidikan
5. Pekerjaan
6. Pengangkutan
7. Bangunan atau Infrastruktur
8. Sosial dan Rekreasi; dan
9. Penyelidikan

Jangka masa bagi tindakan-tindakan ini dibahagikan kepada Jangka Masa Pendek, Sederhana dan Panjang. Di samping Pelan Tindakan ini, pelbagai program dan langkah ke arah memeduli golongan warga emas telah disediakan sekian lama. Di antaranya ialah melalui program jaminan sosial (*social safety net*) seperti pemberian pencen umur tua, pencen perkhidmatan, Tabung Amanah Pekerja, Skim Caruman Persaraan (SCP) dan pemberian bantuan kebajikan bagi mereka yang memerlukan. Kerajaan juga telah menyediakan pelbagai program yang lain seperti dari segi kesihatan iaitu melalui program 'Health for All' dan 'Healthy Lifestyle'. Begitu juga dari segi pekerjaan ialah seperti menyambung perkhidmatan pekerja bergaji hari yang telah mencapai umur 65 tahun. Sementara itu, melalui projek *public private partnership* dengan pihak swasta selaras dengan konsep *active ageing*, telah ditubuhkan Pusat Kegiatan Warga Emas di Daerah Brunei Muara dan insyaaAllah akan diadakan di seluruh daerah di negara ini.

Walaupun kerajaan telah menyediakan pelbagai program dan bantuan kepada golongan warga emas namun usaha sebegini harus juga dipikul oleh semua golongan masyarakat. Tidak kira di peringkat keluarga, masyarakat atau kumpulan seharusnya turut sama memainkan peranan penting dalam menangani dan membantu golongan warga emas. Sebagai sebuah negara Melayu Islam



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman semasa berucap pada Majlis Jalinan Kasih Warga Emas Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam di Hotel Park View, Jalan Jerudong pada 16 Muharram 1436 Hijrah bersamaan 9 November 2014 Masihi.

Beraja, masalah seperti pengabaian warga emas tidak seharusnya berlaku di negara ini. Setiap individu atau masyarakat perlu bertanggungjawab terhadap warga emas lebih-lebih lagi terhadap ibu bapa atau kaum keluarga masing-masing. Sementara itu, mana-mana pihak sama ada secara berkumpulan atau persatuan perlu turut sama memainkan peranan penting terhadap warga emas terutama bagi mereka yang pernah menabur jasa dan budi terhadap kemajuan dan pembangunan mana-mana kumpulan atau organisasi. Untuk itu, melalui kesempatan ini saya sangat-sangat menghargai dan mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada MWNBD di atas usaha mereka untuk merikan ahli-ahli mereka yang telah mencapai usia 70 tahun, yang mana dengan usia sebegini sudah setentunya mereka ini telah banyak menambur jasa dan perkhidmatan terhadap persatuan masing-masing. Langkah sebeginilah yang sangat-sangat dialu-alukan oleh pihak kerajaan untuk menggalakkan penglibatan warga emas dalam aktiviti sosial. Mudah-mudahan usaha sebegini dapat diteruskan dari semasa ke semasa oleh semua pihak yang lain pada mengenang jasa dan bakti golongan warga emas terhadap pembangunan dan kemajuan bangsa dan negara. Semoga inisiatif yang berkebaikan ini dari MWNBD akan mendapat ganjaran dari Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin.

Akhirnya, saya berdoa semoga semua ahli-ahli warga emas yang diraikan dipanjangkan usia, ditambahkan ilmu pengetahuan dan sentiasa mendapat taufeq dan hidayah dari Allah Subhanahu Wata'ala serta berada dalam keadaan sihat walafiat dan kebahagian. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang
Pengarang.

13 DISEMBER 2014 BERSAMAAN 1436 صفر 20

BRUNEI-KOREA TERUS PERKUKUH HUBUNGAN DUA HALA

HUBUNGAN akrab di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea telah dipertingkatkan sejak penubuhan hubungan diplomatik pada 1 Jun 1984. Di samping itu, Konsulat Jeneral Republik Korea di Bandar Seri Begawan ditubuhkan pada 15 September 1983 dan kemudiannya dinaikkan tahapnya kepada duta pada 1 Januari 1984. Bermula daripada sana hubungan kedua-dua buah negara telah bertambah rapat dan semakin meluas dalam berbagai-bagai bidang yang memberikan manfaat kepada rakyat dan penduduk di kedua-dua buah negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah pada Majlis Santap Malam Negara sewaktu berkenan mengadakan Keberangkatan Negara selama tiga hari ke Republik Korea baru-baru ini, menekankan bahawa Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea telah menikmati kemajuan yang berterusan dalam kerjasama dua hala yang meliputi pelbagai bidang termasuklah tenaga, pendidikan, pertanian dan perhubungan di antara rakyat kedua-dua buah negara.

Semasa Keberangkatan Negara tersebut juga, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berasa sangat gembira apabila Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea mengukuhkan lagi pencapaian sedia ada dengan penandatanganan tiga perjanjian. Penandatanganan perjanjian dan memorandum tersebut telah berlangsung di Cheong Wa Dae (Rumah Biru), Seoul yang menyaksikan kedua-dua negara telah memeterai perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) meliputi perjanjian pengelakan cukai berganda dan pengecualian fiskal cukai-cukai pendapatan, MoU pendidikan dan MoU bidang pertanian.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah memaklumi bahawa Republik Korea telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat sejak beberapa dekad yang lalu. Pada hari ini, Republik Korea terkenal sebagai sebuah ekonomi terkemuka dengan industri bertaraf dunia, serta dikenali dalam kemajuan teknologi. Segala pencapaian tersebut merupakan inspirasi kepada banyak orang di merata dunia.

Dengan melihat pelbagai kemajuan yang dicapai oleh Republik Korea tersebut, Kebawah DYMM dalam titah berharap Negara Brunei Darussalam untuk mempelajari daripada pengalaman Republik Korea terutama dalam usaha Negara Brunei Darussalam mencapai wawasannya pada tahun 2035.

Berhubung kerjasama di antara kedua-dua buah negara, Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea telah menikmati kerjasama yang kukuh dalam bidang tenaga sejak 20 tahun lalu, yang mana kerjasama dalam bidang tersebut akan terus kekal sebagai teras utama penglibatan ekonomi antara kedua-dua buah negara. Kebawah DYMM juga melahirkan kegembiraan apabila kontrak LNG telah dilanjutkan sehingga tahun 2018.

Negara Brunei Darussalam menghargai usaha-usaha berterusan Republik Korea dalam mempromosikan pertukaran belia khususnya melalui Program Pertukaran Belia Brunei-Korea. Semasa bertitah, Kebawah DYMM menjelaskan bahawa generasi muda telah menaruh minat yang mendalam kepada bahasa, makanan dan budaya republik, yang mana telah mewujudkan hubungan persahabatan dan persefahaman yang kukuh di antara rakyat kedua-dua buah negara.

Di samping itu, kedua-dua buah negara telah melangkah jauh melalui perkongsian yang rapat dalam bidang e-Kerajaan, yang mana bantuan dan kepakaran Republik Korea untuk memajukan bidang ICT di Negara Brunei Darussalam amat dihargai. Negara juga menghargai sumbangan syarikat-syarikat dari republik tersebut dalam usaha pembangunan Negara Brunei Darussalam dan terus mengalu-alukan mereka ke negara ini.

Apa yang lebih signifikan dan istimewa pada tahun ini telah mencatat satu lagi sejarah apabila hubungan di antara ASEAN dan Republik Korea telah memasuki tahun ke-25 dengan Negara Brunei Darussalam akan terus komited bekerjasama rapat ke arah mempertingkatkan lagi perkongsian ASEAN-Republik Korea. - **Ketua Penyuntingan (Md).**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

P Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaime Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuriah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Aryentyt Haji Arifin
Mohammad Arif Matali,
Hajah Sujimawati Mejeri

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Hajah Hamsah Datu Kerna Haji Jaya

Ketua Penyuntingan

Musa Mohidin,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani,
Samle Haji Jait

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Chafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Ramalan Cuaca Tiga Hari

	SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN	31 °C 25 °C	31 °C 26 °C	31 °C 25 °C
MUARA	31 °C 25 °C	31 °C 26 °C	31 °C 25 °C
PEKAN BANGAR	31 °C 25 °C	31 °C 25 °C	31 °C 24 °C
PEKAN TUTONG	31 °C 25 °C	31 °C 25 °C	31 °C 24 °C
PEKAN SERIA	31 °C 25 °C	31 °C 25 °C	31 °C 25 °C
KUALA BELAIT	31 °C 25 °C	31 °C 26 °C	31 °C 24 °C

Walaupun Bissawab

Sumber: JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
Telefon: 2330142, xambungan 1888/1851 atau Talian Cuaca 114

Berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat bersama Presiden Republik Korea dan Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan menghadiri Majlis Santap Malam bagi Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan yang menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN - Republik Korea yang dihoskan oleh Presiden Republik Korea, Puan Yang Terutama Park Geun-hye (atas dan bawah kiri).



Laporan : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah
dari Busan, Republik Korea



BUSAN, REPUBLIK KOREA, Khamis, 11 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam bagi Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan yang menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Republik Korea yang dihoskan oleh Presiden Republik Korea, Puan Yang Terutama Park Geun-hye.

Majlis santap tersebut adalah bagi meraikan perkongsian 25 tahun di antara ASEAN dan Korea, yang mewujudkan suasana harmoni dan muhibah untuk dinikmati oleh Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan anggota ASEAN dan dipromosikan dengan silaturahmi dan pemahaman yang lebih mendalam tentang budaya Korea.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Lobi Pusat Persidangan dan Pameran Busan (BEXCO) dialu-alukan oleh Setiausaha Agung, Pejabat

Persediaan bagi Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Republik Korea 2014, Tuan Yang Terutama Choi Jong-moon.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan berangkat ke tingkat atas Pusat Persidangan tersebut dan dialu-alukan oleh Presiden Republik Korea, PYT Park Geun-hye. Kebawah DYMM seterusnya berkenan bagi sesi bergambar bersama PYT.

Sebelum beredar ke Dewan Persidangan bagi Majlis Santap Malam, Kebawah DYMM berkenan menyertai Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan untuk menyaksikan pameran kebudayaan dan dijunjung dan dialu-alukan oleh Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan Republik Korea, Tuan Yang Terutama Kim Jongdeok.

Selesai menyaksikan pameran kebudayaan, baginda dan Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan yang lain bersama-sama beredar bagi memulakan Majlis Santap Malam.

Pada majlis tersebut, PYT Presiden Republik Korea telah menyampaikan ucapan mengalu-alukan kehadiran para pemimpin dan delegasi ke Republik Korea bagi Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Republik Korea.

Pada majlis itu, Presiden Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Thein Sein, selaku

Pengerusi ASEAN Bagi Tahun 2014, juga menyampaikan ucapan alu-aluannya. Semasa majlis tersebut, para pemimpin dan delegasi telah menyaksikan persembahan-persembahan kebudayaan.

Mengiringi keberangkatan Kebawah DYMM, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila

Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menyertai Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan ASEAN menyaksikan Pameran Kebudayaan di Tingkat Tiga Convention Hall, Busan Exhibition and Convention Centre sebelum Majlis Santap Malam berlangsung (atas dan bawah).



MAJLIS Santap Malam tersebut juga, para Pemimpin dan Delegasi menyaksikan persembahan-persembahan kebudayaan dari Negara Korea - ASEAN.



Berangkat tiba di Busan, Republik Korea

Laporan : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah
dari Busan, Republik Korea

BUSAN, REPUBLIK KOREA, Khamis, 11 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selamat berangkat tiba di sini bagi menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Republik Korea yang diadakan selama dua hari.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Pangkalan Udara Gimhae, Busan dijunjung oleh Datuk Bandar Busan, Tuan Yang Terutama Suh Byung-soo; Timbalan Menteri bagi Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Republik Korea, Tuan Yang Terutama Ahn Chong-ghee; Naib Setiausaha Agung, Pejabat Persiapan bagi Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Republik Korea 2014, Tuan Yang Terutama Yi Won-woo dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama

Cho Won Myung serta para pegawai kanan kerajaan Republik Korea.

Turut hadir menjunjung keberangkatan tiba Kebawah DYMM, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng; Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Korea, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Harun bin Haji Ismail.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan menerima jambangan bunga dan kemudiannya berangkat melintasi Kawalan Kehormatan Statik yang dianggotai oleh 20 orang Tentera Udara Republik Korea sebelum menaiki kenderaan khas menuju ke Hotel Park Hyatt Busan, tempat persemayaman Kebawah DYMM di sepanjang keberangkatan baginda ke sidang tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melintasi Kawalan Kehormatan Statik yang dianggotai oleh 20 anggota dari Tentera Udara Republik Korea sejurus tiba di Busan.

Sejurus keberangkatan tiba di tempat persemayaman, Kebawah DYMM dijunjung oleh Pengurus Am Hotel Park Hyatt Busan, Tuan Ross Cooper.

Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Republik Korea yang diadakan pada tahun ini bagi merayakan ulang tahun hubungan di antara ASEAN dan Republik Korea yang ke-25.

Sidang tersebut juga merupakan satu landasan yang terbaik bagi ASEAN dan Republik Korea untuk menerokai dengan lebih mendalam lagi spektrum pelbagai bidang.

Mengiringi keberangkatan Kebawah DYMM, Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.



KEBAWAH DYMM berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai dan kakitangan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Korea sejurus baginda tiba di Hotel Park Hyatt Busan.



SEJURUS keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Pangkalan Udara Gimhae, Busan, baginda berkenan menerima jambangan bunga sambil dijunjung oleh Datuk Bandar Busan, Tuan Yang Terutama Suh Byung-soo.

Penuntut Brunei gembira menemui raja yang dikasihi

SEOUL, REPUBLIK KOREA, Isnin, 8 Disember. - Penuntut-penuntut Brunei yang belajar di Republik Korea sangat teruja dan gembira kerana berkesempatan menemui raja yang dikasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Di-Pertua Persatuan Penuntut-Penuntut Brunei di Korea, Dayang Nur Diyana binti Haji

Muhammad Hasrin tidak menyangka berpeluang menemui Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam setelah hampir empat tahun berada di republik berkenaan di bawah Program Biasiswa Kerajaan Korea.

Mengambil Kursus Ijazah Kejuruteraan Kimia di Universiti Konkuk, Dayang Nur Diyana mendapat maklumat tentang keberangkatan baginda ke Republik Korea melalui sumber Pusat ASEAN Korea yang akan mengadakan Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-Republik Korea 2014 di Busan, Republik Korea.

"Saya dan kawan-kawan terkejut dan tidak menyangka sama sekali baginda akan berangkat ke sini dan peluang keemasan seperti ini tidak akan kami lepaskan begitu saja meskipun ada sebahagian kawan-kawan yang akan menduduki peperiksaan esok dan tinggal jauh di luar Seoul, namun kami sanggup meluangkan masa untuk menemui dan menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda," ungkap beliau.

Berasal dari Kampung Rimba, Dayang Nur Diyana menyatakan

bahawa kursus yang diambilnya selama empat tahun penuh dan satu tahun belajar bahasa Korea. "Penuntut-penuntut yang mendapat biasiswa Kerajaan Korea hanya lebih kurang 10 orang sahaja dan penuntut-penuntut yang selebihnya, mereka adalah penuntut pertukaran," jelasnya.

Sementara itu, Dayang Siti Nurnabillah binti Haji Abd. Rahman, penuntut Tahun 2 Kursus Ijazah Sain Politik dan Hubungan Antarabangsa di Universiti Kyunghee berasal dari Jerudong juga merupakan penuntut yang mendapat Program Biasiswa Kerajaan Korea dan merupakan Naib Yang Di-Pertua Persatuan Penuntut-Penuntut Brunei di Korea.

"Saya seolah-olah seperti bermimpi dapat menemui baginda. Selama ini saya begitu berharap hendak bertemu dan melihat wajah baginda lebih dekat. Syukur Alhamdulillah harapan saya tertunai akhirnya. Saya berharap baginda akan datang ke sini lagi selepas ini," katanya penuh berharap.

"Saya percaya penuntut-penuntut yang berada di sini pun ingin menemui baginda lagi. Kesempatan menjunjung ziarah ke hadapan majlis



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah daripada penuntut Brunei di Republik Korea.

baginda seperti ini menjadi kenangan manis bagi kami dan tidak dapat kami lupakan," tambahnya.

Sementara itu, salah seorang rakyat Republik Korea, Joy Yui yang kebetulan berada di Hotel Grand Hyatt menyaksikan keberangkatan tiba Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam begitu kagum melihat kemesraan baginda melayan penuntut-penuntut Brunei

yang beratur mengalu-alukan keberangkatan tiba baginda.

"Baginda nampak ramah dan begitu disenangi rakyat. Walaupun baginda, seorang raja yang dikelilingi dengan protokol dan sebagainya, sikap baginda yang mesra mencerminkan baginda seorang raja yang tidak angkuh dan sombong dan rakyat baginda pula nampak menghormati baginda," ujarnya.



DAYANG Nur Diyana binti Haji Muhammad Hasrin dan Dayang Siti Nurnabillah binti Haji Abd. Rahman, penuntut Brunei yang menuntut di Republik Korea.

Berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap mantan-mantan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea yang pernah berkhidmat di Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH DYMM berkenan berbual mesra bersama Tuan Yang Terutama Choi Kwang-shik.

SEOUL, REPUBLIK KOREA, Rabu, 10 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan

menerima mengadap beberapa orang mantan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea yang pernah berkhidmat di Negara Brunei Darussalam.

Majlis Mengadap berlangsung di Hotel Grand Hyatt Seoul, di sini.

Mantan Duta-Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea terdiri daripada Tuan Yang Terutama Choi Bae-shik; Tuan Yang Terutama Huh Se-lin, Tuan Yang Terutama Choi Kwang-shik, Tuan Yang Terutama Sa Boo-sung, Tuan Yang Terutama Kim Dae-sik, dan Tuan Yang Terutama Kim Woong-nam.

Turut hadir pada Majlis Mengadap itu, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng; Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara

Laporan : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
Foto : Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Haji Tengah dari Seoul, Republik Korea



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra dengan Tuan Yang Terutama Huh Se-lin (atas). Sementara gambar bawah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika bersalaman dengan Tuan Yang Terutama Kim Woong-nam.



Brunei Darussalam ke Republik Korea, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Harun bin Haji Ismail.

Kebawah DYMM berangkat meninggalkan Seoul

Laporan : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
Foto : Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Haji Tengah dari Seoul, Republik Korea

SEOUL, REPUBLIK KOREA, Rabu, 10 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Seoul, Republik Korea setelah selesai menamatkan Keberangkatan Negara selama tiga hari.

Sebelum berangkat meninggalkan Hotel Grand Hyatt Seoul, tempat persemayaman baginda selama berada di sini, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sejurus tiba di Pangkalan Udara Seoul, Seongnam dan sebelum berangkat menaiki pesawat khas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan melintasi Kawalan Kehormatan Statik yang dianggotai oleh 22 anggota Tentera Udara Republik Korea.

Berada di Pangkalan Udara Seoul,

Seongnam bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Timbalan Menteri bagi Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Republik Korea, Tuan Yang Terutama Ahn Chong-ghee; Ketua Pengarah bagi Hal Ehwal Protokol, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Republik Korea, Tuan Yang Terutama Lee Yong Soo; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Cho Won Myung dan Ketua Pangkalan Udara Republik Korea, Leftenan Jeneral Sung Hwan-ro serta para pegawai kanan kerajaan Republik Korea.

Turut hadir bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng; Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad



MENYEMBAHKAN selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Ketua Protokol, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Republik Korea, Tuan Yang Terutama Yoon Yeo-cheol sebelum menaiki pesawat khas baginda.

Yasmin bin Haji Umar dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Korea, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Harun bin Haji

Ismail serta para pegawai Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Republik Korea.

Mengiringi keberangkatan Kebawah DYMM, Menteri

Kewangan II (Kedua) di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa berucap pada Majlis Konvokesyen Ke-4 Institut KEMUDA, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Disember. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah berkata, kejayaan para graduan dalam bidang pengajian masing-masing bukan merupakan sebagai noktah atau selesainya misi dalam kehidupan mereka.

Menurut Yang Berhormat, ia merupakan sebagai langkah pertama untuk perjalanan yang lebih jauh

Aplikasikan kreativiti, inovasi yang dimiliki

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

dalam liku kehidupan yang akan dilalui oleh para graduan.

Dengan yang demikian tegas Yang Berhormat, para graduan perlu mempunyai perancangan dan matlamat yang jelas mengenai apa yang hendak dicapai.

“Para graduan perlu mengaplikasikan kreativiti dan inovasi yang ada dalam diri para graduan, di samping menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi sewaktu pengajian sebagai alat untuk mencapai impian masing-masing,” ujar Yang Berhormat semasa berucap pada Majlis Konvokesyen Ke-4 Institut KEMUDA, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, di sini.

Yang Berhormat berkata, para graduan yang menerima sijil mereka, mempunyai beberapa pilihan yang perlu diterokai iaitu sama ada melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, mencari pekerjaan dan menceburi bidang keusahawanan.

Kesemua pilihan ini tegas, Yang Berhormat, akan menyumbang dan memberikan impak yang positif

kepada pembangunan negara dan yang penting ialah, apapun bidang atau laluan yang para graduan pilih akan disertai dengan keyakinan diri dan perasaan untuk terus berusaha dalam memajukan diri dengan penuh bermakna kepada masyarakat dan pembangunan negara.

Katanya, selain mencari pekerjaan, para graduan harus menerokai dunia perniagaan dan bidang keusahawanan yang mana pasaran global pada masa ini begitu besar dan dengan menggunakan jangkauan internet, *the world is your oyster* iaitu seluruh dunia menjadi pasaran kita.

“Kita tidak lagi tersekat oleh kos tradisional dan pasaran tempatan yang kecil. Dengan jumlah pengguna laman sosial seperti Facebook sudah melebihi satu bilion memberikan banyak peluang kepada pengusaha-pengusaha. Menerusi aplikasi laman sosial dan internet ianya memberikan akses kepada hasil dan produk tempatan kepada pasaran serantau dan global,” kata Yang Berhormat.

Terdahulu Yang Berhormat menjelaskan, penyertaan institut

pengajian swasta dalam memberikan pengajian lanjutan membantu perkembangan tenaga manusia yang dapat menyumbang kepada keperluan tenaga manusia dalam pelbagai sektor yang memerlukan di negara ini.

Pihak pasaran pekerjaan di negara ini, jelas Yang Berhormat, menaruh harapan kepada institusi-institusi pengajian dan pusat-pusat kemahiran di Negara Brunei Darussalam berupaya menampung keperluan mereka dengan menghasilkan tenaga kerja yang berilmu, berkemahiran dan berkelayakan selaras dan bertepatan dengan permintaan pasaran

pekerjaan.

Tambahnya, dengan secara kolektif dan bersepadu, ibu bapa dan institusi-institusi pengajian sama ada kerajaan mahupun swasta di negara ini berperanan untuk mengembangkan potensi dan nilai-nilai yang ada pada diri generasi muda selaras dengan arus dan peredaran zaman seperti yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis diteruskan dengan penyampaian anugerah kepada 253 graduan dan pelajar terbaik.

Brunei-Jerman raikan hubungan ke-30 tahun

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Hj Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Disember. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Persekutuan Rakyat Jerman telah menjadi rakan kongsi di peringkat global sejak 30 tahun yang lalu.

Sehubungan dengan itu, sempena Memperingati Hubungan Antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Persekutuan Jerman Ke-30 Tahun, Galeri Hutan Hujan atau 'Rainforest Gallery' dengan kerjasama Kedutaan Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam telah mengadakan bengkel bertempat di Galeri berkenaan, Taman Jubli di ibu negara, di sini.

Bengkel disertai oleh seramai 26 pelajar dari lima buah sekolah terdiri daripada Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Pusat Tingkatan Enam (PTE) Meragang, PTE Sengkurong, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dan Jerudong International School.

Tujuan utama bengkel adalah untuk mendedahkan para pelajar kepada seni kontemporari sekali gus dalam pada masa yang sama memberi mereka peluang untuk melukis batik dan mempelajari teknik-teknik *copper-tooling*.

Ia juga bertujuan untuk mengajar dan mendidik para pelajar agar mengamalkan kitar semula barangan lama atau yang tidak dipakai menjadi satu seni dan yang penting sekali menggunakan hasil seni dalam menggambarkan hubungan diplomatik yang sekian lama terjalin antara kedua-dua buah negara.

Bengkel selama sehari itu dikendalikan oleh dua artis moden dan kontemporari tempatan iaitu Pengiran Timbang bin Pengiran Tuah dan Awang Zakarian bin Omar.

Bengkel diakhiri dengan majlis penyampaian sijil penyertaan kepada para pelajar yang disampaikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat Jerman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Roland Grafe.



ANTARA pelajar yang menyertai Bengkel Memperingati Hubungan Antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Persekutuan Jerman Ke-30 Tahun di Galeri Hutan Hujan, Taman Jubli Perak.

253 graduan Institut KEMUDA menerima sijil

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Disember. - Institut KEMUDA mengukir lagi sejarah apabila seramai 253 graduannya menerima penganugerahan Advance Diploma, Diploma dan Sijil Teknologi Maklumat pada majlis konvokesyen institut tersebut di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penganugerahan sijil kepada para graduan ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Terdahulu, Pengarah Urusan Institut KEMUDA, Pengiran Haji Masri bin Pengiran Haji Othman dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, anugerah-anugerah ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada para pelajar yang berjaya mempamerkan prestasi pembelajaran yang terbaik.

Anugerah Global High Achiever menurut Pengiran Haji Masri adalah merupakan anugerah terulung daripada NCC Education iaitu bagi pelajar yang memperoleh markah keseluruhan tertinggi daripada lebih sejuta pelajar seluruh dunia.

Menurutnya, NCC Education merupakan sebuah institusi global dari United Kingdom yang terdapat di 45 buah negara.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa menyampaikan penganugerahan sijil kepada salah seorang graduan.

Anugerah Roll of Honour, jelasnya, diberikan kepada para pelajar yang mencapai markah keseluruhan sekurang-kurangnya 70 peratus, manakala anugerah kemuncak iaitu Anugerah Chairman merupakan pengiktirafan tertinggi Institut KEMUDA kepada pelajar yang terpilih.

Pemilihan pelajar adalah berdasarkan komitmen yang berterusan terhadap pembelajaran dan sumbangan signifikan yang diberikan kepada Institut KEMUDA.

“KEMUDA pada masa ini menjalankan kursus-kursus peringkat Sijil, Diploma dan Diploma Lanjutan di dalam bidang ICT iaitu hasil kerjasama dengan NCC Education, United Kingdom dan Majlis Pendidikan Teknikal dan Vokasional Brunei Darussalam atau BDTVEC,” jelasnya.

Pada majlis itu, tetamu kehormat juga menyempurnakan penyampaian Advanced Diploma, Diploma dan Sijil serta mengurniakan anugerah kepada pelajar cemerlang.

Menerima kunjungan hormat perwakilan asing

Berita dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Disember. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam yang akan menamatkan perkhidmatannya, Tuan Yang Terutama Daniel L. Shields III.

Kunjungan hormat diadakan di Bilik Mawar, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Jalan Dewan Majlis, di sini.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Tuan Yang Terutama Daniel L. Shields III telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 5 April 2011.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Daniel L. Shields III yang akan menamatkan perkhidmatannya.

Peserta Bengkel Papet 2014 terima sijil

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Disember. - Lebih 30 peserta Bengkel Papet 2014 menerima sijil masing-masing pada majlis penutup yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan sijil kepada para peserta ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Bengkel tersebut dianjurkan oleh Kumpulan Penggiat Seni Tanah Air Brunei (PeSTAB) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan dikendalikan oleh fasilitator dari Singapura dan Filipina yang didukung oleh ASEAN Puppetry Association (APA).

Fasilitator terdiri daripada lima ahli papet dari Singapura dan seorang moderator dari Filipina, sementara Indonesia menghantar lima ahli APA pada bengkel yang bermula pada 9 Disember lalu.

Di Negara Brunei Darussalam terdapat permainan serupa dipanggil sebagai permainan 'Asyik' yang jarang sekali dipraktikkan ketika ini.

'Asyik' adalah sebuah seni permainan boneka (*puppetry*) yang dipopularkan oleh penduduk Kampung Ayer di persekitaran Sungai Brunei.

Seni permainan boneka ini mula wujud di Negara Brunei Darussalam pada tahun 1960-an dan peranan utama dalam permainan ini dipanggil sebagai pencerita yang menceritakan legenda-legenda Brunei terutamanya kepada kanak-kanak.

Peralatan utama ialah keratan bentuk manusia daripada bekas kotak-kotak rokok dan pencerita akan meletakkan beberapa watak daripada keratan bekas rokok di atas sebuah meja sambil bercerita.

Tujuan utama bengkel untuk mengenalkan kepada para peserta terutama belia cara-cara memainkan sebahagian daripadanya iaitu papet tali, jari dan tangan sekali gus memperkenalkan jenis-jenis papet lain agar peserta menghargai permainan papet.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman semasa hadir pada Majlis Penutup Bengkel Papet 2014, berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Qatar raikan Hari Ulang Tahun



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Qatar, Tuan Yang Terutama Saleh Mohammed Al-Nesef ketika memotong kek pada Majlis Resepsi Makan Malam di Hotel Antarabangsa Rizqun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Disember. - Kedutaan Besar Qatar di Negara Brunei Darussalam meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaannya dengan Majlis Resepsi Makan Malam berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Majlis Resepsi Makan Malam tersebut dihoskan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Qatar, Tuan Yang Terutama Saleh Mohammed Al-Nesef.

Hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia

Oleh : Mohammad Arif Matali
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman dan Datin Hajah Alimah binti Mohd. Taib.

Majlis menyaksikan Majlis Memotong Kek Ulang Tahun Hari Kebangsaan Qatar oleh Yang Berhormat dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Qatar.

Hubungan diplomatik kedua-dua buah negara terjalin sejak bulan Oktober 1991 dan terus dikembangkan dalam bidang perdagangan, ekonomi, kebudayaan, perhubungan,

pendidikan, kesihatan, pelancongan dan sukan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam disusuli Lagu Kebangsaan Qatar dan diikuti bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Awangku Muhammad Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marzuki.

Ulang Tahun Kebangsaan Negara Qatar diraihan setiap 18 Disember setelah secara rasminya mencapai kemerdekaan pada 3 September 1971.

'Kod' kukuhkan tadbir urus syarikat diperkenalkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Disember. - Kementerian Kewangan sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi kementerian tersebut untuk memperkenalkan 'Code of Corporate Governance, Brunei Darussalam' (Kod) untuk diguna pakai oleh syarikat-syarikat yang berdaftar di negara ini.

Pengenalan Kod ini bertujuan bagi menyediakan satu panduan yang boleh diguna pakai dan dirujuk oleh syarikat-syarikat di negara ini bagi mengukuhkan tadbir urus syarikat-syarikat berkenaan untuk mendukung perkembangan dan kemajuannya bagi jangka panjang,

melalui penerapan amalan terbaik antarabangsa.

Antara perkara-perkara yang terkandung dalam Kod tersebut adalah saranan bagi sebuah syarikat untuk menubuhkan lembaga pengarah yang efektif bagi menerajui syarikat; pengurusan yang sentiasa 'accountable', mengadakan peraturan-peraturan yang meningkatkan 'transparency' dan mengukuhkan 'governance'.

'Code of Corporate' ini boleh didapati di Bahagian Pendaftaran Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan di Kementerian Kewangan atau di laman sesawang Kementerian Kewangan iaitu www.mof.gov.bn.

Khutbah Jumaat wadah ilmu sangat penting

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof menyampaikan hadiah kepada juara Peraduan Menyampaikan Teks Khutbah Jumaat, Awang Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yassin, peserta Belia Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong.



SETIAUSAHA Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menyampaikan hadiah kepada juara Peraduan Menulis Teks Khutbah Jumaat, Dayang Suriati binti Haji Ali Hussin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Disember. - Awang Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yassin, peserta Belia Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong meraih juara Peraduan Menyampaikan Teks Khutbah Jumaat Belia Masjid Senegara Sempena Hari Anti Rasuah Antarabangsa Tahun 2013 yang berlangsung di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop, di sini.

Naib juara disandang oleh Awang Adi Hafizee bin Zanidi, peserta Belia Masjid Zainab, Lumut, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Awang Muhammad Syahirul Syafiq bin Rashid, peserta Belia Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Sementara itu, juara bagi Peraduan Menulis Teks Khutbah Jumaat sempena hari berkenaan disandang oleh Dayang Suriati binti Haji Ali Hussin; naib juara, Dayangku Norasidah binti Pengiran Haji Rakawi dan pada tempat ketiga, Dayang Noor Syazwani binti Haji Majin.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Undang-Undang dan Kesejahteraan), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dato Paduka Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid yang juga selaku Pengarah Biro Mencegah Rasuah (BMR); pengarah-pengarah, pegawai-pegawai daripada JPM, BMR, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), dan Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri, selaku Pengerusi Peraduan berkenaan dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, peraduan tersebut diharapkan dapat memberikan kefahaman dan kesedaran kepada belia-belie bahawa Khutbah Jumaat adalah satu wadah ilmu yang sangat penting.

Menurut Pengerusi Peraduan tersebut, dengan penyertaan mereka dalam peraduan ini mereka juga dapat memahami dan mengetahui adab-adab dan tatacara penyampaian Khutbah Jumaat yang lebih menarik dan berkesan.

Beliau menambah, sesungguhnya, percutian sekolah memberi peluang dan masa yang banyak kepada belia-belie mengikuti program-program kegiatan luar ataupun kegiatan-kegiatan keagamaan yang dianjurkan oleh masjid-masjid seperti peraduan yang diadakan itu.

"Kegiatan ini amat sesuai dan penting untuk membuka minda belia-belie dalam mengisi program percutian mereka dengan kegiatan keagamaan dan aktiviti yang berfaedah, yang mana secara tidak langsung ianya akan dapat

menghindarkan diri mereka dari terlibat dengan gejala-gejala sosial yang bukan hanya akan merugikan diri belia itu sendiri bahkan juga kerugian kepada negara kerana belia kita merupakan aset negara yang sangat berharga," ujarnya.

Pada sambutan tahun ini BMR sebagai sebuah organisasi yang dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasa undang-undang pencegahan rasuah di negara ini telah mengadakan kedua-dua peraduan berkenaan.

Kedua-dua peraduan itu anjuran bersama BMR, JHEM, KHEU dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop.

Peraduan menulis teks khutbah ini telah dibukakan kepada warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam bermula daripada 1 April 2014 sehingga 2 Jun 2014.

Sasaran peraduan berkenaan dibukakan kepada belia-belie masjid di keempat-empat buah daerah yang tidak melebihi umur 25 tahun, yang mana hasil daripada peringkat saringan, lapan peserta telah pun terpilih.

Objektif utama peraduan berkenaan, untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman orang awam tentang rasuah khususnya mengenai kesalahan dan pencegahan rasuah daripada segi undang-undang dan perspektif Islam.

Inisiatif tersebut selaras kehendak Artikel 13 Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menentang rasuah yang menekankan penglibatan orang awam dalam usaha mencegah dan menentang rasuah.

Dalam pada itu, PBB pada tahun 2003 telah mengisytiharkan 9 Disember sebagai Hari Anti Rasuah Antarabangsa.

Tujuan memperingati tarikh tersebut adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat antarabangsa akan kepentingan usaha berterusan untuk memerangi dan mencegah rasuah kerana rasuah adalah musuh yang boleh mengakibatkan ketidakseimbangan dan ketidakadilan dalam penyediaan peluang dan penjagaan hak dalam sesebuah negara.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat mengambil berat dalam memastikan jenayah rasuah dalam apa jua bentuk dan dibanteras dengan setegas-tegasnya sama dalam berurusan dengan Perkhidmatan Awam dan urusan-urusan perdagangan di dalam sektor swasta.

Bagi tujuan ini, kerajaan juga telah mengambil peranan yang serius untuk mendidik serta meningkatkan kesedaran orang awam tentang bahaya dan risiko rasuah dalam kalangan lapisan masyarakat terutama sekali penuntut-penuntut dan belia-belie ke arah membentuk masyarakat negara ini menjauhi diri daripada gejala rasuah.

Pengakap Muda, Remaja sertai perkhemahan kemahiran

Oleh : Hamdanajib Haji Domeng
Foto : Thaqib Tuah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Disember. - Pengakap Muda dan Remaja (Scouts and Venture) Daerah Brunei Muara (DBM) mengadakan Perkhemahan Ujian Lencana Kemahiran sebagai ujian terakhir sebelum menerima lencana-lencana Pengakap Muda dan Remaja.

Lebih 80 ahli Pengakap Muda dan Remaja daripada sembilan buah sekolah menengah kerajaan dan swasta telah menghadiri perkhemahan tersebut di Tapak Latihan dan Perkhemahan, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Jalan Gadong.

Hadir bagi menyampaikan sijil dan lencana kemahiran ialah Kem Komandan Perkhemahan, Skipper Shukri bin Masri. Juga hadir Pesuruhjaya Persatuan Pengakap DBM,

selaku Pengerusi Perkhemahan, Skipper Shahrini bin Haji Sarbini serta pemimpin-pemimpin dan pengawas pasukan.

Antara aktiviti yang perlu dilakukan sepanjang perkhemahan empat hari yang bermula 6-9 Disember termasuklah membina khemah secara berkumpulan dengan menggunakan standard perkhemahan, mempelajari mengenai kekuatan pasak serta mempelajari simpulan dan cara mematikan ikatan.

Perkhemahan itu bertujuan bagi mendapatkan Skim Lencana Kemahiran iaitu dari segi pembuatan gajet-gajet daripada kayu-kayu dan penggunaan simpulan dan ikatan, memasak, fotografi dan berbasikal.

Antara objektif perkhemahan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara pasukan-pasukan pengakap di DBM.

Di samping itu, ia juga untuk mengisi waktu percutian sekolah serta mengaplikasikan kemahiran berpengakap dalam kalangan ahli Pengakap Muda dan Remaja.



SKIPPER Shukri bin Masri selaku Kem Komandan Perkhemahan menyampaikan sijil kepada seorang ahli pengakap.

Penutupan sebahagian jalan di Jambatan Sungai Tutong

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Disember. - Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui Kementerian Pembangunan memaklumkan bahawa sebahagian jalan raya di Jambatan Sungai Tutong akan ditutup untuk memberikan ruang kepada pihak kontraktor bagi melaksanakan kerja-kerja pemasangan 'Steel Pipe Bridge' menyeberangi Sungai Tutong bagi projek Membekal dan Memasang Paip Utama Baru dari Bukit Barun ke Daerah Brunei dan Muara (Sepanjang Lebuh raya Tutong - Brunei Muara).

Penutupan jalan ini akan bermula pada 10 Disember 2014 hingga 24 Disember 2014 dari pukul 8.30 pagi hingga 6.00 petang.

JKR juga menasihati para pengguna jalan raya yang akan menggunakan jalan tersebut supaya akan sentiasa berhati-hati dan mematuhi papan-papan tanda arahan yang disediakan untuk mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi jabatan ini melalui talian Darussalam 123.



LEBIH 80 ahli Pengakap Muda dan Remaja daripada sembilan buah sekolah menengah kerajaan dan swasta menyertai perkhemahan kemahiran di Tapak Latihan dan Perkhemahan, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Jalan Gadong.

Kampung Bolkiah jadi ristaan



BENGKEL Tenunan yang terdapat di Kampung Bolkiah 'A'.



KETUA Kampung Bolkiah 'A', Awang Shahminan bin Haji Matzin ketika ditemui pada Program Sua Muka anjuran Jabatan Penerangan.

Kenali Negara Kitani

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md Noor dan Nurul Syakirah Zaini
Foto: Md Arif Morni

Shahminan bin Haji Matzin pada 16 Februari 2009.

Kampung ini merupakan Skim Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang telah ditubuhkan pada 5 Oktober 1992. Kampung Bolkiah 'A' ini terletak berdekatan Kampung Buang Sakar, Mukim Lumapas. Pada awal tahun 1980-an, kawasan ini belum ada penduduk, walau bagaimanapun pada tahun 1985 ada beberapa buah rumah telah mula didirikan hingga pada tahun 1994 terdapat sebanyak 48 buah rumah kesemuanya. Pada ketika itu, kampung ini yang dinamakan sebagai Kampung Buang Sakar (Air) di bawah pentadbiran Ketua Kampung Kasat, Mukim Lumapas.

Pada tahun 1993, bermulalah pembinaan Skim Perumahan YSHHB dan siap dibina pada tahun 1994. Perumahan ini diberikan keutamaan pada mangsa-mangsa kebakaran yang terdiri daripada Kampung Setia Pahlawan, Kampung Peramu, Kampung Saba, Kampung Petagian, Kampung Kota Batu dan Kampung Sungai Matan.

Kampung ini mula didiami pada 15 Julai 1994 dan diresmikan pada 22 Ogos 1994 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang bertempat di Sekolah Menengah Sayyidina Omar Al-Khattab. Selain daripada itu, penduduk kampung asal di kampung tersebut sebanyak 48 buah rumah telah dipindahkan ke Skim Perumahan ini dan rumah-rumah mereka telah diganti rugi oleh pihak YSHHB dengan bayaran yang berpatutan.

Kampung ini terletak antara kawasan Sungai Brunei menuju ke Daerah Temburong dengan perjalanan lebih kurang 7 kilometer dari Bandar Seri Begawan menggunakan perahu tambang dan 45km dari Bandar Seri Begawan menggunakan jalan darat. Kampung ini mempunyai keluasan 3.75sq km. Kampung Bolkiah 'A' ini mempunyai 226 buah rumah, keramaiannya lebih kurang 1500 penduduk.

Selain daripada itu, beberapa buah rumah telah digunakan sebagai

cawangan pejabat Yayasan untuk kegunaan Bengkel Tenunan, cawangan pos polis dan surau (pada masa ini digunakan sebagai tempat Kelas Dewasa Wanita). Di samping itu juga, terdapat beberapa kemudahan awam disediakan seperti jalan raya, klinik, bekalan elektrik, air serta talian telefon. Kampung ini juga dilengkapi dengan alat saluran najis yang menuju ke daratan. Malahan sampah-sarap juga dikutip setiap hari dengan menggunakan perahu yang disediakan oleh JASTRe bagi mengekalkan kebersihan di kampung tersebut.

Kebanyakan penduduk kampung ini bekerja dengan pihak kerajaan dan hanya sebilangan kecil sahaja bekerja di pihak swasta dan bekerja sendiri seperti berniaga, menjual ikan, menambang dan sebagainya. Penduduk kampung ini juga menerima bantuan kerajaan. Bantuan-bantuan berkenaan seperti:

- Penerima pencen tua : 72 orang
- Bantuan Kebajikan : 48 orang
- Elaun Orang Kurang Upaya (cacat) : 5 orang
- Anak Yatim : 10 orang

Antara aktiviti yang diunkayahkan di kampung ini ialah Kelas Muqaddam bagi wanita

dewasa, majlis tahlil dan doa arwah. Malah penduduk kampung ini juga giat mengadakan beberapa pertandingan-pertandingan antaranya, perlawanan futsal, bola sepak, bina badan dan sebagainya. Selain daripada itu, penduduk kampung ini, terutamanya dalam kalangan wanita-wanita giat membuat keropok udang dan kuih sapit dengan bantuan peralatan yang disediakan oleh YSHHB. Kelas penenunan juga diadakan selama 3 tahun. Kelas ini adalah inisiatif YSHHB untuk membantu ekonomi penduduk di kampung tersebut. Antara pencapaian yang telah dikecapi ialah pada tahun 2009, Kampung Bolkiah 'A' telah dinobatkan sebagai kampung yang paling bersih.

Ketua Kampung mencadangkan pembinaan sekolah rendah diadakan agar penduduk kampung kekal berada di kampung tersebut. Menurut Ketua Kampung lagi, ketiadaan sekolah rendah ini adalah menjadi masalah utama bagi penduduk di kampung ini, hingga memaksa mereka untuk berpindah dari kampung tersebut dan akhirnya mengganggu kelancaran di dalam membuat apa jua aktiviti.



RUMAH Bengkel Tenunan yang terletak di Kampung Bolkiah 'A'.



SEBUAH jambatan yang konkrit dibina bagi penghubung penduduk Kampung Bolkiah 'A' dan 'B'.



ANTARA kemudahan yang terdapat di kampung ini ialah Pos Polis Kampung Bolkiah 'A'.

Membanteras rasuah tanggungjawab kita semua

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sifat amanah dalam pekerjaan sama ada dalam Perkhidmatan Awam ataupun dalam sektor swasta amat penting dan tidak boleh diabaikan. Sifat ini sangat dituntut dalam Islam dan wajib ditanai dengan sebaik-baiknya, kerana dengan adanya sifat amanah itu dapat menjadikan seseorang itu sebagai pekerja yang berdisiplin, cekap, taat dan boleh dipercayai untuk melaksanakan sesuatu tugas yang dipertanggungjawabkan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Anfaal ayat 28:

Tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengkhianati Allah dan rasulNya, dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah yang diamanahkan kepada kamu, sedang kamu mengetahuinya."

Amanah merupakan benteng, tanpa sifat amanah akan mudahlah berlakunya penyelewengan atau perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti penyalahgunaan kuasa, zalim, khianat dan yang paling berat lagi perbuatan rasuah. Sesungguhnya rasuah boleh menggugat kestabilan dan keharmonian sesebuah negara serta boleh mengakibatkan pentadbiran negara tersebut menjadi kucar-kacir, goyah dan juga boleh menimbulkan masalah lain seperti kemerosotan ekonomi, membenarkan sesuatu yang salah dan menyalahkan sesuatu yang benar.

Rasuah merupakan suatu pemberian berupa sogokan yang diberikan kepada seseorang dengan niat yang tertentu bagi memperoleh apa yang dikehendaki. Perbuatan ini sangat dilarang dalam Islam dan tergolong dalam perbuatan dosa-dosa besar. Ini telah dijelaskan dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Baqarah ayat 177:

Tafsirnya: "Dan janganlah kamu makan harta orang-orang lain di antara kamu dengan jalan yang bathil, dan janganlah kamu mengeluarkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa, padahal kamu mengetahui salahnya."

Jelaslah bahawa jenayah rasuah ini bukan sahaja satu kesalahan berat di sisi undang-undang dunia, malahan salah satu jenayah yang bakal mengundang azab Allah Subhanahu Wata'ala di



akhirat kelak. Kesalahan rasuah tidak hanya diukur kepada kecil atau besar nilai yang diterima. Rasuah berkaitan sama ada seseorang itu pemberi, penerima atau menjadi orang tengah kepada perbuatan itu.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengingatkan kita semua agar sentiasa menjauhi perbuatan rasuah kerana perbuatan tersebut adalah antara perkara yang amat dibenci dan dilaknat oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan rasulNya. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

Maksudnya: "Dari Abdullah bin Amru katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah melaknat pemberi rasuah dan orang yang menerima rasuah."

Terdapat beberapa punca berlakunya rasuah, antaranya adalah disebabkan kurangnya keimanan dan ketaqwaan. Seseorang itu mengetahui bahawa rasuah dilarang oleh agama dan undang-undang, tetapi dilakukan juga kerana gelap mata apabila mendapat imbuhan dan ganjaran. Tekanan hidup seperti terlalu banyak hutang juga boleh menyebabkan seseorang itu mudah terjerumus dalam gejala rasuah. Begitu juga kelemahan dalam kepimpinan dan pengurusan sesebuah organisasi boleh memberi ruang dan kesempatan kepada pemberi rasuah

dan penerima rasuah melakukan jenayah rasuah tanpa disedari. Pada kebiasaannya mereka yang melakukan rasuah itu juga adalah disebabkan oleh sifat tamak dan haloba untuk hidup secara mewah, menjana pendapatan lebih dan ingin hidup senang.

Sesungguhnya agama Islam melarang umatNya memakan sesuatu daripada sumber pendapatan yang haram sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Baqarah ayat 127:

Maksudnya: "Wahai manusia, makanlah makanan dari apa yang ada di muka bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya ia (syaitan) adalah musuh yang nyata bagi kamu."

Ibni Qasir menceritakan di dalam Kitab Al-Bidayah Walnihayah sebuah riwayat daripada Ibnu Ishak, kisah kafir Qurais mengutus Hutabah bin Rabaah untuk berjumpa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan menawarkan beberapa tawaran supaya Baginda menghentikan misi dakwah Baginda. Walaupun dijanjikan dengan harta kekayaan, pangkat dan kuasa, namun Baginda tetap tegas dengan pendirian menolak tawaran itu dan tidak akan meninggalkan perjuangannya berdakwah menegakkan syiar Islam.

Rasuah boleh kita cegah dengan menetapkan iman dan mengukuhkan jati diri kita. Keimanan dan keperibadian yang tinggi adalah benteng

yang paling ampuh untuk membanteras gejala rasuah, ia perlu digiatkan lagi agar masyarakat sedar betapa bahaya dan serius masalah rasuah jika tidak dibanteras dan dibendung untuk kestabilan dan kemakmuran negara. Apabila setiap individu dapat menanamkan sifat bencikan rasuah dalam diri maka amalan rasuah dapat diatasi.

Negara yang bersih daripada rasuah adalah impian kita semua kerana ia akan membawa kesejahteraan yang berkekalan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Siapakah yang akan merealisasikan aspirasi ini kalau bukan kita sendiri. Oleh itu, sama-samalah kita berganding bahu membanteras rasuah, kerana rasuah bukan sahaja boleh membawa kehancuran kepada kehidupan seseorang dan masyarakat, malah juga boleh menggugat kestabilan negara. Mudah-mudahan kita semua mendapat rahmat, taufik dan hidayah dari Allah Subhanahu Wata'ala serta dijauhi daripada kemurkaan dan laknat Allah Subhanahu Wata'ala yang menyebabkan kita tidak memperoleh rahmat dan berkatNya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Baqarah ayat 167:

Tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman! makanlah dari rezeki yang baik-baik yang telah kami kurniakan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah jika benar kamu hanya beribadat kepadaNya."

AMANAHAH merupakan benteng, tanpa sifat amanah akan mudahlah berlakunya penyelewengan atau perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti penyalahgunaan kuasa, zalim, khianat dan yang paling berat lagi perbuatan rasuah. Sesungguhnya rasuah boleh menggugat kestabilan dan keharmonian sesebuah negara serta boleh mengakibatkan pentadbiran negara tersebut menjadi kucar-kacir, goyah dan juga boleh menimbulkan masalah lain seperti kemerosotan ekonomi, membenarkan sesuatu yang salah dan menyalahkan sesuatu yang benar.

وقت سمبھيغ داءيرد بروئي موارا دان تمبوروغ ، امساك ، شوروق دان ضحي

وقت سمبھيغ ، امساك ، شوروق دان ضحي باغي داءيرد بروئي موارا دري هاري سبتو 13 ديسيمبر 2014 برساماعن دغن 20 صفر 1436 هيفنگ
كهاري جمعة 19 ديسيمبر 2014 برساماعن 26 صفر 1436 ادايه سقرت دباوه اين:

عشاء	مغرب	عصر	ظهر	ضحى	شوروق	صبح	امساك	هجريه صفر	هاري	مسيحي ديسيمبر
7 . 25	6 . 10	3 . 38	12 . 16	6 . 44	6 . 18	4 . 56	4 . 46	20	سبتو	13
7 . 25	6 . 10	3 . 38	12 . 16	6 . 44	6 . 19	4 . 56	4 . 46	21	احد	14
7 . 26	6 . 11	3 . 39	12 . 17	6 . 45	6 . 19	4 . 57	4 . 47	22	اثنين	15
7 . 26	6 . 11	3 . 39	12 . 17	6 . 45	6 . 20	4 . 57	4 . 47	23	ثلاث	16
7 . 27	6 . 12	3 . 39	12 . 18	6 . 46	6 . 20	4 . 58	4 . 48	24	رابعو	17
7 . 27	6 . 12	3 . 40	12 . 18	6 . 46	6 . 21	4 . 58	4 . 48	25	خميس	18
7 . 28	6 . 13	3 . 40	12 . 19	6 . 47	6 . 21	4 . 59	4 . 49	26	جمعة	19

وقت ٢ سمبھيغ باغي داءيرد توتوغ دتميه ساتو مينيت دان داءيرد بلايت دتميه نيغ مينيت دان سمبھيغ فرض جمعة دسوروبه نكارا بروئي دارالسلام
دمولاعي دري فوكول 12.45 تغه هاري

H.E.A.R.T terus berkembang aktif



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Disember. - Kumpulan Sukarelawan Kemanusiaan Pasukan Bertindak Bantuan Kecemasan (H.E.A.R.T Volunteers Group) mengadakan Majlis Makan Malam Amal bagi memberi penghargaan kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta, orang perseorangan dan sukarelawan yang menyokong dan terlibat dalam acara-acara amal kemanusiaan H.E.A.R.T.

TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman menyampaikan *pennants* kepada sukarelawan yang menyokong dan terlibat dalam acara-acara amal kemanusiaan yang diungkayahkan oleh H.E.A.R.T (gambar kiri), sementara gambar bawah, Yang Mulia Datin Paduka hadir pada Majlis Makan Malam Amal H.E.A.R.T.

H.E.A.R.T adalah sebuah persatuan bukan kerajaan dan tidak mengaut keuntungan yang bermula dengan penyertaan aktif dalam kerja-kerja kemanusiaan, bantuan dan perkhidmatan kecemasan serta latihan dan pembangunan belia dalam masyarakat Brunei sejak 2012.

Hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman yang diadakan di Caesar Grand Hall, Orchid Garden Hotel, di sini.

Pada majlis tersebut, Timbalan Menteri Kebudayaan, belia dan Sukan telah menyampaikan *pennants* kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta serta sukarelawan yang menyokong dan terlibat dalam acara-acara amal kemanusiaan yang diungkayahkan oleh H.E.A.R.T.

sebelum diteruskan dengan persembahan nyanyian dan tarian yang dibawakan oleh Persatuan Tai Chi dan Kumpulan Tarian Fitness Zone.

Terdahulu, Setiausaha Agung Kumpulan Sukarelawan H.E.A.R.T, Awang Simon Tiong melahirkan ucapan terima kasih kepada para penyumbang yang terlibat dan menyokong acara-acara amal H.E.A.R.T.

Katanya, sebanyak BND57,374.57 sumbangan derma telah berjaya dikumpulkan melalui acara Amal B erbasikal, Berjalan dan Berlari yang diadakan pada 29 November 2014 yang lalu.

Acara amal itu diadakan bersempena dengan sambutan ulang tahun kedua penubuhan H.E.A.R.T sejak mula berdaftar pada tahun 2012 dengan objektif utamanya untuk meraih dana bagi Tabung Kebajikan Kemanusiaan dan Tabung Pembangunan serta Latihan H.E.A.R.T.



83 ahli OWWA Filipina tamat Latihan Komputer

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Nestor Z. Ochoa menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta kursus pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Disember. - Seramai 83 ahli Pentadbiran Kebajikan Pekerja Luar Negara (Overseas Workers Welfare Administration - OWWA) Kedutaan Republik Filipina, ke negara ini menerima sijil masing-masing setelah menamatkan Latihan Komputer yang bermula 9 November lalu.

Latihan Komputer dikendalikan oleh Pejabat Buruh Luar Negara Filipina (Philippine Overseas Labour Office - POLO) dan OWWA dengan kerjasama Pengurusan K-MAS Sendirian Berhad bertempat di Cosmopolitan College of Commerce and Technology, Airport Mall, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil-sijil kepada para peserta ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Nestor Z. Ochoa.

Para peserta yang berkecuali mengikuti Latihan Komputer itu dibahagikan kepada dua kursus iaitu Latihan Asas Komputer dan Latihan Advance Komputer.

Latihan Asas Komputer bertujuan memperkenalkan mereka kepada asas dan ciri-ciri Microsoft Office Word 2013 seperti membuat dokumen, iklan serta pemformatan secara bijak dengan ciri baru yang disediakan dalam MS Word 2013.

Manakala Latihan Advance Komputer pula memberikan penerangan ciri-ciri asas dan baru Microsoft Excel dan Microsoft Powerpoint 2013 sesuai bagi peserta yang sudah mempunyai pengetahuan asas dalam MS Word, MS Excel dan Powerpoint.

Kedua-dua kursus dijalankan dalam lima sesi yang dijadualkan setiap hari Ahad dari pukul 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Program ini memberi peluang kepada peserta untuk menghabiskan *offdays* mereka berbaloi dengan mempelajari kemahiran baru dalam komputer.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberikan kemahiran kepada pekerja baru dalam asas komputer bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan yang lebih baik, di samping meneroka peluang perniagaan apabila mereka pulang ke Filipina.

Peserta BSAC lawat Kampung Sungai Matan



PENUNTUT dari Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura yang mengikuti Perkhemahan Pengembaraan Pemimpin Penuntut Brunei - Singapura (BSAC) menyaksikan cara membuat makanan tradisi Brunei di Kampung Sungai Matan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

SUNGAI MATAN, Ahad, 7 Disember. - Para penuntut Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura yang mengikuti Perkhemahan Pengembaraan Pemimpin Penuntut Brunei-Singapura (BSAC) Ke-8 telah mengadakan lawatan ke Kampung Sungai Matan. Para peserta BSAC terdiri daripada 20 penuntut Negara Brunei Darussalam dan 20 penuntut Republik Singapura bersama lapan *chaperone*

ketika ini sedang menjalani perkhemahan tersebut bermula dari 3 hingga 8 Disember 2014.

Hadir dan menyampaikan taklimat ialah Ketua Kampung Sungai Matan, Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Zainal.

Taklimat berkisar mengenai pengusahaan yang diungkayahkan oleh penduduk Kampung Sungai Matan termasuk kegiatan menangkap ikan.

Perkhemahan anjuran Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah itu dibuka rasmi oleh Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Ahmad.

Antara aktiviti sepanjang perkhemahan itu ialah beriadah di Taman Rekreasi Tasek Lama, bermalam di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas, aktiviti di sawah padi di Kampung Bakiau Tutong, membuat lawatan ke Bio-Innovative Corridor dan bedudun ke Kampung Sungai Matan.

Pertukaran penuntut melalui perkhemahan pengembaraan ini merupakan elemen utama dalam memorandum persefahaman yang disepakati semasa mesyuarat di antara Kementerian Pendidikan Brunei dan Kementerian Pendidikan Singapura pada tahun 2006.

Bincang kesalinghubungan ASEAN-Republik Korea

Laporan : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah dari Busan, Republik Korea



BUSAN, REPUBLIK KOREA, Jumaat, 12 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sesi Pertama dan Kedua bagi Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Republik Korea di Pusat Persidangan dan Pameran Busan (BEXCO).

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Lobi Pusat tersebut dialu-alukan oleh Setiausaha Agung, Pejabat Persediaan bagi Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Republik Korea 2014, Tuan Yang Terutama Choi Jong-moon.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan berangkat ke tingkat atas Pusat Persidangan dan dialu-alukan oleh Presiden Republik Korea, Puan Yang Terutama Park Geun-hye, seterusnya baginda berkenan bagi sesi bergambar bersama PYT.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan menyertai ketua-ketua negara dan kerajaan yang menghadiri sidang kemuncak tersebut bagi sesi bergambar ramai sebelum beredat ke Dewan Konvensyen bagi memulakan sesi pertama sidang yang turut dihadiri Presiden Republik Korea.

Sesi Pertama Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Republik Korea dimulakan dengan ucapan pembukaan daripada Presiden Republik Korea, selaku Pengerusi bagi Sesi Pertama Sidang Kemuncak yang mengalu-alukan kehadiran Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan ASEAN ke sidang berkenaan.

Presiden Republik Korea seterusnya menjemput Presiden Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Thein Sein, selaku Pengerusi ASEAN

bagi tahun 2014, menyampaikan ucapan pembukaannya.

Ini diikuti dengan ucapan daripada Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Joko Widodo, selaku Negara Penyelaras bagi Hubungan ASEAN-Republik Korea.

Pada sesi pertama tersebut, para pemimpin telah sama-sama membincangkan perkara-perkara yang berkait rapat dengan tema Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Republik Korea tahun ini 'Membina Keyakinan, Membawa Kesejahteraan', agenda utama termasuklah isu-isu ke arah merealisasikan Komuniti ASEAN menjelang tahun 2015 serta hala tuju strategik bagi Komuniti ASEAN pasca 2015 dengan kerjasama dan sokongan Republik Korea sebagai rakan dialog strategik ASEAN.

Para pemimpin juga telah membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kesalinghubungan di antara ASEAN dan Republik Korea, di samping perkara-perkara yang dapat meningkatkan kerjasama dalam bidang pembangunan infrastruktur dan teknologi.

Manakala pada sesi kedua, para pemimpin telah sama-sama membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan kerjasama dalam isu keselamatan bukan tradisional dengan tumpuan utama diberikan kepada perbincangan mengenai perubahan iklim dan pengurusan bencana.

SUASANA Persidangan Kemuncak Komemoratif ASEAN-Republik Korea di Pusat Persidangan dan Pameran Busan (BEXCO) (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sesi Pertama dan Kedua bagi Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Republik Korea di Pusat Persidangan dan Pameran Busan (BEXCO).

Kebawah DYMM berkenan adakan perjumpaan, mesyuarat dua hala



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan perjumpaan empat mata dengan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong (kiri) dan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Prayuth Chan-ocha (kanan).

BUSAN, REPUBLIK KOREA, Jumaat, 12 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan perjumpaan empat mata dengan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong dan seterusnya berkenan mengadakan mesyuarat dua hala dengan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Prayuth Chan-ocha.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berkenan mengadakan perjumpaan empat mata dengan Perdana Menteri Republik Singapura.

Semasa perjumpaan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama berbincang mengenai isu-isu dan kerjasama dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura serta bertukar-tukar pandangan mengenai hal ehwal serantau dan antarabangsa yang menjadi keprihatinan bersama.

Sejurus selepas itu, Kebawah DYMM

berkenan mengadakan mesyuarat dua hala dengan Perdana Menteri Thailand.

Semasa mesyuarat tersebut, baginda dan Yang berkepentingan di antara kedua-dua buah negara termasuklah dari aspek rantau ASEAN dan antarabangsa.

Hadir semasa mesyuarat dua hala tersebut ialah Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Menteri Hal Ehwal Luar

Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

Perjumpaan dan mesyuarat diadakan Pusat Persidangan dan Pameran Busan (BEXCO), di sini. Baginda berada di Busan, Republik Korea bagi menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Republik Korea.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menyertai Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan ASEAN yang lain bagi menyaksikan Pameran Khas Mengenai Urus Tadbir Awam Sempena Mesyuarat Meja Bulat Menteri-Menteri ASEAN-Republik Korea yang diadakan di Pusat Persidangan dan Pameran Busan (BEXCO).



KEBAWAH DYMM berkenan menaiki Pesawat Pejuang Ringan FA-50 keluaran Korea Aerospace Industries di Pangkalan Udara Gimhae (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah DYMM berkenan menerima pesambah.

BUSAN, REPUBLIK KOREA, Jumaat, 12 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan ASEAN yang lain mengunjungi Pameran Khas Mengenai Urus Tadbir Awam sempena Mesyuarat

Meja Bulat Menteri-Menteri ASEAN-Republik Korea yang diadakan di Pusat Persidangan dan Pameran Busan (BEXCO), di sini.

Di Pameran Khas tersebut, Kebawah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan menyaksikan pameran-pameran yang bertemakan 'Better Governance, Happier Citizens' bersama Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan ASEAN.

Duli Yang Maha Mulia bersama Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan ASEAN yang lain menyaksikan pameran-pameran yang disertai oleh negara-negara ahli ASEAN dan negara tuan rumah, Republik Korea khususnya yang berkaitan dengan Urus Tadbir Yang Baik.

Pameran Khas yang diselenggarakan oleh Kementerian Pentadbiran Kerajaan dan Hal Ehwal Dalam Negeri yang bertemakan 'Better Governance, Happier Citizens' ini bertujuan untuk mengongsikan pengetahuan dan pengalaman dalam urus tadbir kerajaan masing-masing untuk kerjasama yang lebih efektif dan pembangunan negara-negara ahli ASEAN.

Selesai mengunjungi Pameran Khas tersebut, Kebawah Duli Yang Maha

Mulia berkenan berangkat menyertai Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan ASEAN yang lain untuk menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Menteri Pentadbiran Kerajaan dan Hal Ehwal Dalam Negeri, Tuan Yang Terutama Chong Jong-sup yang diadakan di Nurmaru APEC House, Busan.

Mengiringi keberangkatan baginda, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.



Pemohon-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:-

JAWATAN : PEGAWAI PENYELIDIK [Pejabat Hal Ehwal Undang-Undang]
TANGGAGAJI : B.2 EB.3 [\$2,270.00 - \$4,240.00]
KEKOSONGAN : 1 ORANG

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengurusan / Pentadbiran Awam / Pentadbiran Perdagangan / Sumber Manusia atau Personel / Pengurusan Organisasi atau bidang bersesuaian.
- Boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
- Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan mestilah mempunyai laporan Penilaian Prestasi di tahap yang **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian / Ketua Unit.
- Membuat kerja-kerja penyelidikan Hal Ehwal Undang-Undang dan menyediakan keta kerja / laporan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Undang-Undang.
- Membantu Ketua Bahagian / Ketua Unit dalam penyemakan kontrak, perjanjian dan memorandum persefahaman dan pelbagai dokumen undang-undang.
- Membantu dalam semakan dan pelaksanaan peraturan-peraturan dan dasar-dasar UBD.
- Membantu dalam mengemaskini UBD mengenai perundangan dan dasar-dasar kerajaan.

MENGHADAPKAN BORANG PERMOHONAN

Borang P1 serta keterangan lanjut boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam. Borang-borang permohonan yang telah diisi dengan lengkap **beserta dengan salinan sijil-sijil** dan dokumen yang berkenaan hendaklah dikembalikan **tidak lewat pada hari Sabtu, 27 Disember 2014** ke alamat berikut:

PENDAFTAR & SETIAUSAHA
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
JALAN TUNGKU LINK, GADONG BE1410,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
(UP: BAHAGIAN PENTADBIRAN)

Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui **Ketua Jabatannya** dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan tersebut dokumen-dokumen yang telah lengkap seperti berikut:

- SATU LAPORAN SULIT**
- SALINAN PRESTASI BAGI TEMPOH 3 TAHUN KEBELAKANGAN (SEKURANG-KURANGNYA SANGAT BAIK)**
- SATU SALINAN REKOD PERKHIDMATAN YANG TELAH DIKEMASKINIKAN.**

Hanya pemohon-pemohon yang **disenaraipendek (shortlisted)** sahaja akan dihubungi bagi urusan temuduga.

Tarikh Iklan: 13 Disember 2014



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG KELAS V & VI DAN KATEGORI K01 & B01
BIL: KHEU/BDP/LTK/038/2014
MASJID BARU RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA KAMPUNG TANAH JAMBU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
YURAN DOKUMEN: \$1,000.00
(TIDAK DI KEMBALIKAN)

Tarikh dan Jam tutup mengambil dokumen tawaran : 16 Disember 2014 (3.00 petang)

Tarikh Tutup: 23 Disember 2014 (2.00 petang)

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Lembaga Kecil, Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas BB3910, Negara Brunei Darussalam** (kecuali ditetapkan alamat yang lain dalam iklan atau dokumen tawaran) tidak lewat dari jam 2.00 petang pada tiap-tiap hari **SELASA** seperti tarikh yang telah ditetapkan.
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan

menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Kontrak.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah didapati dan diperolehi dari **Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar Berakas BB3910, Negara Brunei Darussalam.** Jumlah yuran adalah seperti berikut.

5. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada berjaya atau yang tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDANGANGAN

JAWATAN KOSONG SEBAGAI DIRECTOR-GENERAL OF THE STATISTICS ECONOMIC AND SOCIAL RESEARCH AND TRAINING CENTRE FOR ISLAMIC COUNTIES (SESRIC)

DEADLINE FOR APPLICATIONS:

18th December 2014

JOB TITLE : Director General

AREA OF ACTIVITY: Statistical Economic and Social and Research and Training Centre For Islamic Countries (SESRIC)

-DUTY STATION: Ankara- Republic of Turkey
CATEGORY/ GRADE: Director General (DG)

REMUNERATION: Depending on professional background and experience, a competitive compensation and benefits package is offered

Untuk keterangan lebih lanjut boleh menghubungi Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Luar negeri dan Perdagangan atau melayari website:

www.oic-oci.org



KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

BILANGAN TAWARAN : KPSU/BPK/LTK/02-2014
TAJUK TAWARAN : TERM CONTRACT 24 MONTHS FOR JANITORIAL SERVICES AT MINISTRY OF INDUSTRY AND PRIMARY RESOURCES BUILDING.

TARIKH TUTUP TAWARAN : 16 DISEMBER 2014 HARI : SELASA JAM : 2 PETANG

YURAN TAWARAN : \$10.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dihadapkan kepada alamat berikut:-

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Jalan Menteri Besar BB 3910
Negara Brunei Darussalam

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan / tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti Syarikat/pembekal.

4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari **Unit Bangunan, Bahagian Pengurusan dan Kewangan tingkat 4, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar Negara Brunei Darussalam**

5. Harga Dokumen tawaran akan dikenakan sebanyak **B\$10.00 (tidak dikembalikan)** bagi setiap tawaran pada waktu berkerja:-

Hari Isnin hingga Khamis : 8.30 pagi - 11.30 Tengah hari
dan 2.00 Petang - 3.30 Petang
Hari Sabtu : 8.00 pagi - 10.30 pagi

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.

7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan salinan kad pengenalan hendaklah disertakan bersama.



DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS TUTONG

SURAT KUASA PUSAKA
NO. T/LA/32/2014

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **AWANG MURAH BIN AWANG DAMIT** kerana minta Surat Kuasa kepada Harta Pusaka yang dipunyai oleh **AWANG DAMIT BIN MOHAMMAD @ AMIT** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH TUTONG pada 13 DISEMBER 2014 pada jam 9.00 pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris TUTONG sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 1 Disember 2014.

DYG LAILATUL ZUBAIDAH HAJI MOHD. HUSSAIN
Timbalan Pegawai Waris Tutong
Negara Brunei Darussalam


**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
**DI BUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM KELAS I DAN II**

Tarikh Buka Tawaran pada : **9 Disember 2014 (Selasa)**

Tarikh Tutup Tawaran pada : **23 Disember 2014 (Selasa) Hingga Jam : 2.00 petang**
(Di tutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)
JASTRE / BPP/ T013 / 2014
**KONTREK PENGGAL BAGI KER-
JA-KERJA PENGUTIPAN SAMPAH DI**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : **19 NOVEMBER 2014**

**SURAT KUASA PUSAKA
NO. LA/252/2014**

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **SUDIMAN BIN MATYASSIN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MATYASSIN BIN HAJI ABDULLAH** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **25 NOVEMBER 2014** pada jam **9.30 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : **11 NOVEMBER 2014**

**SURAT KUASA PUSAKA
NO. LA/253/2014**

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH SITI MARDIANA BINTI HAJI AHMAD** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MAYADI BIN HAJI ALI** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **25 NOVEMBER 2014** pada jam **9.30 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : **11 NOVEMBER 2014**

**SURAT KUASA PUSAKA
NO. LA/254/2014**

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **AZNI DELINA BINTI JOHOR** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MOHAMMAD FAHMI BIN HAJI AWANG MUSLIM** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **25 NOVEMBER 2014** pada jam **9.30 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : **11 NOVEMBER 2014**

**SURAT KUASA PUSAKA
NO. LA/255/2014**

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH DAYANG MARLINA BINTI HAJI AWANG ALI** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI ALI BIN HAJI SALIM** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **25 NOVEMBER 2014** pada jam **9.30 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : **11 NOVEMBER 2014**

**SURAT KUASA PUSAKA
NO. LA/255/2014 A**

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **AWANGKU BAHARUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TEJUDIN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **AWANGKU AHMAD IZZUDEEN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TEJUDIN** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab iaitu si pemohon ialah **ADIK BERADIK** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **2 DISEMBER 2014** pada jam **9.30 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : **11 NOVEMBER 2014**

**SURAT KUASA PUSAKA
NO. LA/259/2014**

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **LIM FU JEON** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **LIM TIAU SUAN** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **16 DISEMBER 2014** pada jam **9.30 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : **20 NOVEMBER 2014**

**SURAT KUASA PUSAKA
NO. LA/256/2014 (A)**

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI MOHAMMAD RADZIMAN BIN HAJI ABD. RAHMAN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH RADIAN BINTI HAJI TALIP @HAJAH RUSIAH** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **9 DISEMBER 2014** pada jam **9.30 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : **20 NOVEMBER 2014**

**SURAT KUASA PUSAKA
NO. LA/217/2014**

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **LIM SIOW QUAK** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PHUNG LIAN LEONG** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **9 DISEMBER 2014** pada jam **9.30 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : **20 NOVEMBER 2014**

(MUHAMMAD AMIN LIM CHING)
Penolong Pegawai Waris
Negara Brunei Darussalam



DI DALAM MAHKAMAH DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 81 TAHUN 2013

HSBC FINANCE (B) BERHAD

... Pemiutang / Pemetisyen

Vs

1. SHARI BIN HJ AWANG BESAR
(BYIC No. 00-253533)

2. NORSIAH BINTI HJ AWANG
BESAR (BYIC No. 00-076204)

... Penghutang / Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **Jd1. 19 Oktober 2013** **Jd2. 1 Mac 2014** telah dibatalkan pada **22 November 2014**.

Nama dan alamat Bankrap :

1. SHARI BIN HJ AWANG BESAR
2. NORSIAH BINTI HJ AWANG
BESAR

Alamat penghutang: Jd1. No.D-28, Flat Polis Kawalan Diraja, Jln Babu Raja, Beribi Gadong, Brunei Darussalam.

Jd2. No. 9 'Teratak Halifah', Simpang 31, Kampung Delima Satu, Jln Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh: **24 November 2014**

KEBANKRAPAN NO. 53 TAHUN 2000

HSBC FINANCE (B) BERHAD

... Pemiutang / Pemetisyen

Vs

HJH SITI ALAM BINTI HJ ALI
(RBAF IC No. 00-072373)

... Penghutang / Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **17 Ogos 2000** telah dibatalkan pada **22 November 2014**.

Nama dan alamat Bankrap :

HJH SITI ALAM BINTI HJ ALI

Alamat penghutang:

No. 38 'B', Simpang 577,

Jalan Pasir Berakas,

Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh: **24 November 2014**

KEBANKRAPAN NO. 174 TAHUN 2006

BAIDURI FINANCE BERHAD

... Pemiutang / Pemetisyen

Vs

NORSIZILLAWATI BINTI BASRI
(RBAF IC No. 00-273882)

... Penghutang / Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **21 September 2006** telah dibatalkan pada **6 November 2014**.

Nama dan alamat Bankrap :

NORSIZILLAWATI BINTI BASRI

Alamat penghutang:

No. 33 B, Simpang 18, Jalan 64,

Perpindahan Lambak Kanan, Berakas

BC2915

Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh: **15 November 2014**

KEBANKRAPAN NO. 477 TAHUN 2010

BAIDURI BANK BERHAD

... Pemiutang / Pemetisyen

Vs

LEONG KOK SOON
(Kad Pengenalan Brunei No. 30-105720 - Kuning)

... Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a. Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yaang pada **13 November 2014**.

Nama dan alamat Bankrap :

LEONG KOK SOON

No. 18, Simpang 542-28, Lucky Garden, Kampung Sungai Hanching Jalan Muara BC2115

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan: **25 Februari 2014**

b. Semua Siputang kepada Bankrap yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukit Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: **15 November 2014**

KEBANKRAPAN NO. 92 TAHUN 2011

BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD

... Pemiutang / Pemetisyen

Vs

ADININ BIN PUASA (Kad Pengenalan
Brunei No. 00-266570 - Kuning)

... Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a.Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yaang pada **6 November 2014**.

Nama dan alamat Bankrap :

ADININ BIN PUASA

No. EF25, Gadong Government Housing

Area, Beribi, Gadong BE1118

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan: **8 Oktober 2014**

b. Semua Siputang kepada Bankrap yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukit Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: **15 November 2014**

KEBANKRAPAN NO. 596 TAHUN 2010

HSBC FINANCE (B) BERHAD

... Pemiutang / Pemetisyen

Vs

PG. ASWANDY BIN PG. MOHAMAD
(Kad Pengenalan Brunei NO. 255808k-)

... Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a. Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yaang pada **6 November 2014**.

Nama dan alamat Bankrap :

PG ASWANDY BIN PG MOHAMAD

No. 10, Simpang 637-35-33,

STKRJ Kampung Lambak Kanan, Berakas

BB1114

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan: **25 September 2014**

b. Semua Siputang kepada Bankrap yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukit Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: **15 November 2014**

NOTIS MENGENAI DIVIDEN TERAKHIR

Nama Penghutang: Mohamad Hata bin Hj Zainuddin (BYIC No. 00-002169) Alamat: No. 100, Simpang 1705, Kampung Tanjung Nangka Negara Brunei Darussalam. Mahkamah-Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Nombor - Kebankrapan

No. 255 Tahun 2006 Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit 100.00 sen Pertama atau Terakhir atau selainnya - Terakhir Bila dibayar - 22 Januari 2015- Di mana kena bayar - Pejabat Pegawai penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Negara Brunei Darussalam.

4 November 2014

KEBANKRAPAN NO. 121 TAHUN 2014

BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BHD

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

Vs

MOHAMMAD EDDEY BIN HAJI SABAN
(BYIC No. 00-284876)

... Penghutang Penghakiman/Penentang
NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **23 Oktober 2014**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:
MOHAMMAD EDDEY BIN HAJI
SABAN

No. 9, Simpang 1926,
Kampung Katimahar BG2721

Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen: **3 September 2014**

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **23 Oktober 2014**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **14 Januari 2015, jam 2.45 petang**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **14 Januari 2015, jam 2.45 petang**.

Bertarikh : **8 November 2014**

KEBANKRAPAN NO. 51 TAHUN 2014

BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BHD

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

Vs

MOHAMED ESWANDEY BIN HAJI
SAFAR

(BYIC No. 00-292063)

... Penghutang Penghakiman/Penentang
NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **2 Oktober 2014**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

MOHAMED ESWANDEY BIN HAJI
SAFAR

LTS 2976-88 Simpang 44,
Kampung Meragang Sinaut, BT2728

Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen: **3 September 2014**

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **2 Oktober 2014**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **8 Januari 2015, jam 3.00 petang**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **8 Januari 2015, jam 3.00 petang**.

Bertarikh : **4 November 2014**

KEBANKRAPAN NO. 50 TAHUN 2014

BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BHD

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

Vs

HAJI MOHAMMAD SALEH BIN
ALIAKBAR

(BYIC No. 00-031000)

... Penghutang Penghakiman/Penentang
NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **18 Oktober 2014**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

HAJI MOHAMMAD SALEH BIN
ALIAKBAR

No.6B Simpang 637-84-96,

Perpindahan Lambak Kiri BB1114

Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen: **15 September 2014**

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **18 Oktober 2014**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **8 Januari 2015, jam 10.45 pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **8 Januari 2015, jam 10.45 pagi**.

Bertarikh : **4 November 2014**

KEBANKRAPAN NO. 550 TAHUN 2009

STANDARD CHARTERED BANK

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

Vs

THIEN SOON HING

(BPIC No. 30-107332)

... Penghutang Penghakiman/Penentang
NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **23 Ogos 2014**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

THIEN SOON HING

Lot 36391 Simpang 502,

Jalan Gadong Kampung Beribi

Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen: **15 September 2014**

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **23 Ogos 2014**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **15 Januari 2015, jam 10.00 pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **15 Januari 2015, jam 10.00 pagi**.

Bertarikh : **17 November 2014**

KEBANKRAPAN NO. 178 TAHUN 2014

HSBC FINANCE (B) BHD

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

Vs

MASNAH BINTI CHULAN

(BPIC No. 00-252276)

... Penghutang Penghakiman/Penentang
NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **6 November 2014**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

MASNAH BINTI CHULAN

c/o Biro Kawalan Narkotik, Cawangan

Pengawasan, Block E, Tungku, Gadong

Bandar Seri Begawan BE2119

Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen: **20 September 2014**

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **6 November 2014**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **18 Disember 2015, jam 9.30 pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **18 Disember 2015, jam 9.30 pagi**.

Bertarikh : **17 November 2014**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Rondaan pencegahan jenayah diteruskan di Kampung Ayer



ANGGOTA-ANGGOTA dari Balai Polis Kampung Ayer bersama Pengawasan Kejiranan di kawasan tadahan Balai Polis Kampung Ayer bergambar ramai sempena mengadakan rondaan pencegahan jenayah di kawasan dan persekitaran Kampung Ayer.

Berita dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Disember. - Sebagai usaha untuk mengurangkan kadar jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) melalui Balai Polis Kampung Ayer sekali lagi mengadakan rondaan pencegahan jenayah bersama Pengawasan Kejiranan di kawasan tadahan Balai Polis Kampung Ayer.

Rondaan dilaksanakan bersama Ketua Kampung Burung Pingai, Awang Abdul Rahman bin Haji Omar; Ketua Kampung Lorong Dalam, Awang Haji Bakar bin Haji Chuchu dan Ketua Kampung Pandai Besi, Pg. Haji Ayob bin Pg. Sulaiman bersama dua orang ahli dari kampung-kampung berkenaan serta 15 anggota Balai Polis Kampung Ayer dan dua anggota Polis Marin.

Sebelum rondaan dimulakan taklimat terlebih dahulu disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penguasa Balai Polis Kampung Ayer, Inspektor Polis Mohammad Hazizul bin Haji Abdul Halim, selaku ketua rondaan kepada ketua-ketua

kampung serta anggota yang bertugas.

Rondaan pencegahan jenayah yang dilaksanakan sebelum tengah malam itu menjalankan pemeriksaan berjalan kaki dan menggunakan bot polis bermula dari kawasan Kampung Burung Pingai, Kampung Lorong Dalam dan berakhir di Kampung Pandai Besi.

Semasa rondaan tersebut dijalankan, Inspektor Polis Mohammad Hazizul bin Haji Abdul Halim juga melawat rumah-rumah ketua kampung yang ikut serta dalam rondaan pencegahan jenayah tersebut.

Bagaimanapun, rondaan tersebut tidak menemui sebarang jenayah yang berlaku.

Selain memberikan peluang untuk berinteraksi bersama para penduduk kampung, rondaan antara lain bertujuan mengurangkan kadar indeks jenayah di kawasan dan persekitaran Kampung Ayer, di samping mengeratkan silaturahim dan pendekatan PDB penduduk-penduduk kampung dan ketua kampung yang terbabit.

PDB akan terus menjalankan dan melartakan rondaan seumpamanya bersama Pengawasan Kejiranan dari semasa ke semasa.

Masjid Kg. Pintu Malim hulur sumbangan derma

Berita dan Foto : Ihsan Haji Mariat bin Haji Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Disember. - Ahli-ahli Jawatankuasa Masjid Kampung Pintu Malim telah menghulurkan derma berupa wang tunai kepada Pengiran Haji Mohd Daud bin Pengiran Ahmad iaitu seorang daripada ahli jawatankuasa masjid tersebut kerana terlibat dalam kebakaran yang meranapkan keseluruhan rumah beliau pada 24 November lepas.

Majlis diadakan di Masjid kampung berkenaan selepas menunaikan sembahyang Fardu Maghrib.

Derma tersebut disampaikan oleh Awang Haji Mariat bin Haji Abdullah selaku wakil ketua Imam Masjid Kampung Pintu Malim.

Sehubungan itu, Pengiran Haji Mohd Daud melahirkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Masjid dan para penyumbang daripada pelbagai pihak di Daerah Brunei Muara.



AWANG Haji Mariat bin Haji Abdullah (dua dari kanan), selaku wakil Ketua Imam Masjid Kampung Pintu Malim menghulurkan derma kepada Pengiran Haji Mohd. Daud bin Pengiran Ahmad, mangsa kebakaran baru-baru ini.

Anggota Pengawasan Kejiranan bantu tangani isu keselamatan



PARA anggota Pengawasan Kejiranan kawasan tadahan Balai Polis Limau Manis bergambar ramai.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Disember. - Seramai 20 orang anggota Pengawasan Kejiranan Kampung telah diaktifkan semula oleh Pasukan Polis Diraja Brunei khususnya daripada Balai Polis Muara semasa pelancaran Pesta Santai Muara (PSM) 2014 yang berlangsung di Pantai Peranginan Muara pada 5 hingga 7 Disember 2014 lalu.

Anggota Pengawasan Kejiranan itu telah dibawa bersama-sama dengan anggota polis dari Balai Polis Muara untuk membuat rondaan sepanjang berlangsungnya acara PSM 2014.

Ini adalah satu pendedahan awal kepada anggota Pengawasan Kejiranan bagi sama-sama membantu anggota polis dalam menangani isu keselamatan dan kesejahteraan semasa berlangsungnya acara tersebut. Selain daripada acara pesta tersebut, Pengawasan Kejiranan juga akan diaktifkan di mukim dan kampung di bawah tadahan Balai Polis Muara.

Sementara itu, pada 6 Disember 2014 seramai 12 anggota Balai Polis Limau Manis telah membuat satu rondaan bersama Ketua Kampung Masin dan Limau Manis bersama ahli Pengawasan Kejiranan seramai lapan orang.

Rondaan pencegahan jenayah dijalankan di kawasan Jalan Sangai-Sangai dan ladang bertumpu Kampung Masin yang bertujuan bagi mengurangkan kadar indeks jenayah dan gejala kurang sihat.

Sebelum ini juga Balai Polis Limau Manis telah membuat rondaan pencegahan jenayah bersama Ketua Kampung Wasan ditumpukan di kawasan Ladang Padi Wasan.

Peluang pengusaha mendapatkan konsultansi mengenai industri agrimakanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Disember. - Bahagian Industri Agrimakanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan mengadakan Program Jerayawara pada 13 Disember ini di Dewan Kemasyarakatan Kampung Serambangun, Daerah Tutong bagi pengusaha agrimakanan di Daerah Tutong.

Seramai 40 pengusaha agrimakanan yang berasal dari Daerah Tutong dan wakil dari Jabatan Daerah Tutong dan Jabatan Bandaran Daerah Tutong akan menghadiri jerayawara berkenaan yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai peranan Bahagian Industri Agrimakanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh unit-unit di bawahnya.

Pengusaha makanan dan minuman yang belum berdaftar di bawah bahagian tersebut bolehlah menghadiri majlis tersebut untuk mendengarkan taklimat dan seterusnya berdaftar dengan mengisi Borang Pendaftaran Syarikat dengan menyertakan salinan kad pengenalan dan lesen perniagaan sivil 16 dan 17, jika ada.

Di antara manfaat yang akan diperolehi dengan mendaftar di bawah Bahagian Industri Agrimakanan, ialah pengusaha akan berpeluang untuk mendapatkan khidmat nasihat dan konsultansi mengenai industri agrimakanan; berpeluang untuk mendapatkan perkhidmatan teknikal seperti perkhidmatan makmal-makmal yang terdapat di Bahagian Industri Agrimakanan; menyertai program lawatan ke Inkubator Makanan Perusahaan Kecil dan loji perintis serta makmal-makmal yang ada di Bahagian Industri Agrimakanan dan berpeluang untuk menyertai kursus dan bengkel dalam bidang pemprosesan dan pembungkusan.

Sebanyak enam unit dalam Bahagian Industri Agrimakanan akan memberikan taklimat semasa acara ini berlangsung iaitu daripada Unit Teknologi Lepas Tuai, Unit Pembangunan Produk Agrimakanan, Unit Perkhidmatan Agrimakanan, Unit Pembungkusan Agrimakanan, Unit Pembangunan Industri Agrimakanan dan Unit Inkubator Agrimakanan yang akan disampaikan oleh ketua-ketua unit masing-masing.

Jerayawara ini merupakan salah satu aktiviti dalam kalender Bahagian Industri Agrimakanan dengan kerjasama Unit Pengembangan Pertanian Daerah Tutong, Bahagian Pengembangan Pertanian di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Pada tahun 2013, pengeluaran produk tambah nilai agrimakanan telah mencapai sebanyak BND86.2 juta, iaitu meningkat sebanyak 37 peratus jika dibandingkan pada tahun 2012 (BND62.8 juta).

Industri agrimakanan dianggarkan akan semakin berkembang dengan adanya francais dan kedai perusahaan beraneka produk seperti makanan segera, minuman, bakeri dan sebagainya yang semakin meningkat di negara ini.

Empat temuai baru kawal vektor penyakit

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Disember. - Dalam usaha untuk memperluas dan melancarkan lagi pemantauan dan pengawalan penyakit menggunakan pengasapan racun di kawasan Kampung Ayer dan sekitarnya, Unit Kawalan Vektor dan Unit Entomologi, Kementerian Kesihatan masing-masing menerima dua buah temuai bagi tujuan tersebut.

Empat buah temuai tersebut dibekalkan oleh Syarikat Ken dan Tan Sendirian Berhad iaitu sebuah syarikat pembekal yang terpilih untuk membekalkan temuai-temuai berkenaan kepada unit-unit tersebut.

Penyerahan temuai ini disempurnakan pada majlis yang diadakan di Jeti Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Pada majlis itu, Pengarah Urusan Syarikat Ken dan Tan Sendirian Berhad, Tan Soo Yong menyerahkan pengayuh kepada Dr. Dayang Hajah Anie Haryani binti Haji Abdul Rahman, selaku wakil tetamu kehormat, Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Pengiran Doktor Haji Md.

Khalifah bin Pengiran Haji Ismail yang kemudiannya menyerahkan kepada Pemangku Penolong Pengarah Kesihatan Alam Sekitar, Dayang Mahani binti Haji Mohammad.

Penggunaan temuai-temuai tersebut juga akan membukakan akses perkhidmatan kepada kawasan-kawasan perairan yang lain yang mana sebelum ini, perkhidmatan pemantauan dan pengawalan penyakit seperti ini adalah terhad memandangkan hanya boleh diberikan di kawasan-kawasan yang mempunyai laluan darat atau laluan jambatan sahaja.

Kemudahan temuai di unit-unit Kawalan Vektor dan Entomologi ini selaras dengan fungsi utama Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar dalam menjalankan pemantauan dan pengawalan vektor yang penting kepada kesihatan awam terutama sekali dalam mencegah penyakit-penyakit melalui vektor bawaan nyamuk iaitu Denggi dan Chikungunya.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Muhammad Mahdi Haji Marsidi



PENGARAH Urusan Syarikat Ken and Tan Sendirian Berhad, Tan Soo Yong menyerahkan pengayuh kepada Dr. Dayang Hajah Anie Haryani binti Haji Abdul Rahman selaku wakil Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan pada majlis Penyerahan Empat Buah Temuai bagi kegunaan Unit Kawalan Vektor dan Unit Entomologi, Kementerian Kesihatan, berlangsung di Jeti Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.



PENGUNAAN temuai membuka akses perkhidmatan kesihatan di kawasan-kawasan perairan di negara ini.

BIBD anjur Bengkel Perancangan Kewangan



PESERTA Bengkel Perancangan Kewangan dari Brunei Gas Carrier (BGC) Sendirian Berhad menerima sijil masing-masing pada akhir bengkel tersebut.

Berita dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD)

BANDAR SERI BEGAWAN. - Unit Pengurusan Harta (Wealth Management Unit - WMU) Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) telah menganjurkan Bengkel Perancangan Kewangan selama dua hari awal bulan ini bermula 3 Disember lalu.

Bengkel tersebut telah dihadiri oleh 15 kakitangan Brunei Gas Carrier (BGC) Sendirian Berhad, dengan dikendalikan oleh konsultan dari BIBD, Dayang Hajah Isnora binti Minudin dan dibantu oleh Pegawai WMU, Dayang Rozielawati binti Haji Jamil masing-masing berkemahiran di bidang Perancangan Kewangan Islam.

Bengkel bertujuan untuk mewujudkan kesedaran dan menanamkan kefahaman yang mendalam mengenai perancangan kewangan dan pengurusan hutang; memberikan kesedaran mengenai kepentingan membina satu perancangan kewangan yang bersistematik, di samping memberikan pengetahuan berkaitan dengan teknik

bagaimana untuk menguruskan dan memantau perancangan kewangan sendiri.

Selain itu bengkel juga memberikan penekanan terhadap kepentingan strategi penyimpanan yang lebih efektif termasuk membuka akaun-akaun simpanan ke arah mendisiplinkan diri dalam memperuntukkan suatu jumlah yang tetap ke dalam setiap akaun berkenaan.

Dengan cara ini ianya dipercayai boleh membantu individu mencapai objektif dan kemahuan masing-masing sepanjang kehidupan.

Sepanjang bengkel tersebut, para peserta juga berpeluang mewujudkan jurnal perancangan kewangan masing-masing dalam memantau perbelanjaan mereka seharian.

Dengan amalan yang berterusan, teknik ini akan membolehkan para peserta menguruskan pembiayaan seharian mereka dengan lebih teratur pada masa-masa akan datang demi kepentingan perbelanjaan jangka panjang.

Permohonan lesen menangkap ikan dibukakan

MUARA, Selasa, 9 Disember. - Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mempelawa syarikat-syarikat yang berminat untuk memohon lesen-lesen perusahaan bagi industri penangkapan ikan dengan menggunakan alat Pukat Lingkong Zon 3, alat Pukat Lingkong Tuna Zon 4, alat Rawai Tuna Zon 4, alat Rawai, Bubu dan Pancing Zon 2 dan Zon 3 di perairan Negara Brunei Darussalam.

Untuk keterangan lanjut dan borang-borang permohonan, pemohon-pemohon bolehlah menghubungi Seksyen Promosi Industri Perikanan dan Perangkaan, Jabatan Perikanan, Kompleks Perikanan Muara, Simpang 287-53 Jalan Peranginan Pantai Serasa Muara, BT 1728, Negara Brunei Darussalam atau menghubungi talian 2770066, 2770067 dan 2770068.

Sehubungan dengan itu, satu taklimat mengenai industri tangkapan ikan dengan menggunakan alat Pukat Lingkong Zon 3, alat Pukat Lingkong Tuna Zon 4, alat Rawai Tuna Zon 4, alat Rawai Bubu dan Pancing Zon 2 dan Zon 3 akan diadakan pada 21 Januari 2015 bermula pukul 9.00 pagi di Kompleks Perikanan Muara.

Permohonan hendaklah dihantar tidak lewat pada 2 Februari 2015 pukul 4.30 petang.

Komitmen ASEAN tangani perubahan iklim



BUSAN, REPUBLIK KOREA, Jumaat, 12 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa setiap orang telah melihat bagaimana semua negara telah terjejas oleh perubahan iklim dan kesan negatifnya kepada rakyat dan kehidupan mereka.

Isu tersebut titah baginda merupakan satu kebimbangan yang diakui oleh ASEAN, dan pada bulan lepas, ASEAN telah mengesahkan semula komitmennya untuk menangani perubahan iklim melalui satu Kenyataan Bersama yang telah dipersetujui.

"ASEAN berharap semua



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat pada Sesi Kedua Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Republik Korea.

Laporan : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah
dari Busan, Republik Korea

rakan-rakannya menyokong mereka dalam usaha penting ini. Tambahan, pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Iklim tahun ini, terdapat pengiktirafan sedunia akan perlunya menangani isu perubahan iklim secara kolektif," titah baginda pada Sesi Kedua Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Republik Korea.

Oleh itu, baginda menghargai setingginya pengumuman yang dibuat oleh Puan Yang Terutama

Presiden Republik Korea untuk menyumbangkan tambahan sejumlah USD100 juta kepada Dana Perubahan Cuaca Hijau.

Baginda menambah bahawa ASEAN juga menghargai usaha Republik Korea dalam mengurangkan kesan perubahan iklim melalui inisiatif seperti pemuliharaan hutan.

Baginda mengongsikan bahawa Negara Brunei Darussalam sedang bekerjasama secara rapat dengan Indonesia dan Malaysia dalam

inisiatif Nadi Borneo, dan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan 58 peratus daripada kawasan tanahnya bagi pemuliharaan hutan.

Oleh yang demikian, baginda mengalu-alukan rakan-rakan untuk bekerjasama dalam inisiatif ini, yang mana ia bukan sahaja akan menangani masalah perubahan iklim tetapi juga memelihara biodiversiti hutan hujan bagi manfaat semua generasi akan datang.

Dalam pada itu, baginda mengambil maklum bahawa rantau Asia Timur adalah rantau yang paling terjejas oleh bencana-bencana alam.

"Di samping mengalami banjir, taufan, dan tanah runtuh, rantau ini juga perlu menghadapi gempa bumi yang kuat, aktiviti gunung berapi dan tsunami. Namun begitu, kedudukan geografi rantau ini membolehkan rantau ini untuk bertindak dengan cepat di dalam menangani bencana alam dan menghulurkan bantuan kemanusiaan dan bencana kepada negara-negara

jiiran serantau," titah baginda.

Baginda menyatakan bahawa nilai-nilai kemasyarakatan Asia yang kukuh di rantau Asia Timur mempersiapkan satu asas yang membolehkan rantau ini untuk meningkatkan kerjasama rapat dengan lebih saling hormat, kepercayaan dan kesefahaman di antara satu sama lain. Dalam hubungan ini, baginda berharap agar rantau ini akan dapat mengukuhkan kerjasama dan menghasilkan langkah-langkah kukuh yang membolehkan kerja-kerja diteruskan bagi membantu satu sama lain pada masa akan datang serta membawa makna yang mendalam kepada kehidupan rakyat.

Pada sesi tersebut baginda mengucapkan terima kasih kepada Presiden Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Thein Sein, selaku Pengerusi di atas kejayaan mempengerusikan dan menjadi tuan rumah kepada Sidang-Sidang Kemuncak yang berkaitan dengan ASEAN pada bulan lepas.

Hubungan ASEAN - Korea semakin mantap

Dari muka 1

Baginda berharap supaya kerjasama ini akan terus di perdalam dan diperkukuhkan tatkala ASEAN sedang merancang ke hadapan pasca 2015.

Dalam hal ini, baginda gembira dengan kenyataan bersama yang akan diluluskan oleh mesyuarat tersebut yang akan membantu menyediakan hala tuju masa depan hubungan ASEAN-Republik Korea terutamanya dari segi pengukuhan kerjasama semasa di rantau ini dalam bidang belia dan ICT.

Baginda menjelaskan bahawa paksi kerjasama tersebut melalui hubungan mesra yang telah dijalin oleh rakyat ASEAN dan Republik Korea termasuk belia.

"Kepercayaan dan keyakinan yang bersemadi dalam kalangan belia adalah asas bagi memastikan kerjasama masa depan yang mampan. Oleh itu, ASEAN dan Republik Korea mesti meneruskan komitmen bagi memupuk hubungan ini melalui pelbagai program pertukaran," titah baginda.

Oleh yang demikian, baginda ingin melihat aktiviti-aktiviti seperti Program Pertukaran Belia ASEAN-Republik Korea diteruskan bagi membantu rantau ini untuk mempromosikan lagi persefahaman dan rasa saling hormat dalam kalangan rakyatnya.

Baginda mengambil maklum bahawa Republik Korea telah mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju bidang ICT. Sejak empat tahun kebelakangan ini, titah baginda, Republik Korea telah diiktiraf sebagai negara teratas dalam Indeks Pembangunan ICT.

"Ini merupakan satu pencapaian luar biasa yang menunjukkan integrasi ICT yang mendalam dalam kalangan rakyat Republik Korea serta menggambarkan bagaimana internet boleh diakses dengan mudah oleh orang ramai terutamanya melalui penggunaan meluas komunikasi mudah alih," titah baginda lagi.

Titah baginda, ICT semakin cepat menjadi asas penting kepada banyak aktiviti komersial dan memperkembangkan pengetahuan dan kepakaran lanjut dalam bidang tersebut akan mewujudkan lebih potensi bagi menambah lagi manfaat ekonomi bagi masa depan rantau ini.

Sehubungan itu, baginda menggalakkan pegawai-pegawai untuk meneruskan kerja dan usaha mereka di bawah Projek Perkongsian ICT ASEAN-Republik Korea untuk mengenalkan pelbagai cara inovatif dan praktikal dalam penggunaan ICT bagi meningkatkan taraf kehidupan rakyat.

Dalam pada itu, baginda juga menyampaikan ucapan takziah kepada Republik Korea, Indonesia dan Filipina atas bencana tenggelamnya kapal menangkap ikan Korea dekat perairan Rusia dan kepada rakyat Republik Filipina atas kemusnahan yang dibawa oleh Taufan Hagupit.

Baginda juga mengucapkan terima kasih kepada Presiden Republik Korea, kerajaan dan rakyat Republik Korea di atas sambutan dan layanan mesra yang dihulurkan kepada baginda dan delegasi sejak tiba di Busan.

Mengakhiri titah, baginda menyatakan bahawa adalah jelas hubungan ASEAN-Republik Korea akan menjadi lebih mantap dan kukuh yang memberikan pelbagai manfaat kepada rakyat dan rantau ini.

Baginda seterusnya merakamkan penghargaan kepada Presiden Republik Korea kerana mengundang ASEAN ke mesyuarat tersebut dan juga kepada Presiden Republik Indonesia di atas usaha yang cemerlang yang ditunjukkan oleh Republik Indonesia sebagai penyelaras hubungan ASEAN-Republik Korea.

Berangkat meninggalkan Busan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat meninggalkan Busan, Republik Korea selepas menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Republik Korea. Berada di Pangkalan Udara Gimhae, Busan bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis baginda, Naib Datuk Bandar Busan, Tuan Yang Terutama Jung Gyung-jin.

BUSAN, REPUBLIK KOREA, Jumaat, 12 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat meninggalkan Busan, Republik Korea selepas menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Republik Korea yang diadakan selama dua hari.

Sebelum berangkat meninggalkan Hotel Park Hyatt Busan, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sejurus keberangkatan tiba di Pangkalan Udara Gimhae, Busan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia

berkenan menyaksikan pameran berupa sebuah Pesawat Pejuang Ringan FA-50 keluaran Korea Aerospace Industries sebelum berangkat menaiki Pesawat Khas.

Berada di Pangkalan Udara Gimhae, Busan bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis baginda, Naib Datuk Bandar Busan, Tuan Yang Terutama Jung Gyung-jin; Timbalan Menteri bagi Hal Ehwal Politik, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Republik Korea, Tuan Yang Terutama Lee Kyung-soo dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Cho Won-myung serta para pegawai kanan kerajaan Republik Korea.

Turut hadir bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis baginda, Menteri Hal Ehwal Luar

Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Korea, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Harun bin Haji Ismail serta para pegawai Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Republik Korea.

Mengiringi keberangkatan baginda, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

KEIMANAN DAN KEPERIBADIAN TINGGI BENTENG MEMBANTERAS GEJALA RASUAH

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتري دان دچیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.